

STRUKTUR SOSIAL DAN EKONOMI DI WILAYAH
ADAT PERPATEH NANING
1900-1940

CHE UDA BIN CHE NIK

JABATAN SEJARAH
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1973

STRUKTUR SOSIAL DAN EKONOMI DI WILAYAH

ADAT PERPATEH NANING

1900 - 1940

CHE UDA BIN CHE NIK

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian dari-
pada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Kepujian
Dalam Bidang Sejarah.

"Keseluruhan daripada latihan ilmiah ini ditulis
dengan perkataan saya sendiri. Melainkan nukilan-
nukilan yang mana telah saya akui tiap-tiap satu
nya."

KANDUNGAN

	<u>HALAMAN</u>
SINOPSIS	i
SENARAI KEPENDIKAN	19
PRA-KATA	1
PENDAHULUAN	1
BAB I ADAT DAN STRUKTUR SOSIAL NANING	18
BAB II ADAT ISTIADAT DAN PERAYAAN DI- WILAYAH ADAT PERPATEH NANING.	53
BAB III STRUKTUR KEADILAN DI WILAYAH ADAT PERPATEH NANING	78
BAB IV ADAT DAN STRUKTUR EKONOMI NANING	101
BAB V SISTEM TANAH ADAT DI WILAYAH ADAT PERPATEH NANING	129
BAB VI ADAT PERPATEH DAN PERUBAHAN- PERUBAHAN BARU 1900 - 1940	149
KESIMPULAN	187
BAHAN-BAHAN RUJUKAN:	194
LAMPIRAN:-	
LAMPIRAN I - ADAT NANING DARIHAL PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA.	199
LAMPIRAN II - ATURAN HUKUM BUNUH.	202
LAMPIRAN III - ALOR GAJAH - RULING BOOK	205
LAMPIRAN IV - SENARAI NAMA PENGHUGU NANING (1632 - SEKIRANG).	207

PETA DAN RAJAH

PETA I - WILAYAH ADAT - KAWASAN.	210
PETA II - MELAKA - KAWASAN LADANG DAN KILANG UBI KAYU (1867)	211
PETA III - MELAKA - LADANG UBI KAYU A(1886) B(1894).	213
PETA IV - MELAKA - KILANG GAMBIR A(1882) B(1887).	214
PETA V - PENGGUNAAN TANAH (1894)	215

RAJAH

RAJAH I - LUAS KAWASAN TANAMAN UBI KAYU DI MELAKA 1873 - 1911.	216
RAJAH II - KAWASAN GAMBIR DAN LADANG LADA DI MELAKA 1888 - 1916.	217
SENARAI NAMA-NAMA MEREKA YANG TELAH DITEMURAMAH.	218

SINOPSIS

Wilayah Naning, menganuti 'adat perpatih nan sebatang' yang berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau, Sumatra. Hidup masyarakat adalah 'bersuku' dan 'berwaris'. Struktur hidup masyarakat bagini telah diasaskan sejak Naning mula dibuka dahulu lagi. Asas ini telah dipertahankan dari satu jenerasi ke satu jenerasi dan dari satu zaman penjajah kepenjajah yang lain, sehinggalah Naning mencapai kemerdekaan di dalam Malaysia pada tahun 1957.

Hidup di dalam masyarakat bersuku mempunyai peraturan yang lengkap di dalam semua bidang dan kegiatan. Di dalam bidang sosial, adat bersuku mempunyai struktur yang rapi dan padu. Setiap anggota masyarakat mempunyai tempat dan tugasnya masing-masing. Peraturan-peraturan yang menasabah telah disusun untuk menjamin supaya semua kegiatan hidup dapat berjalan lancar dan tersusun. Setiap peraturan yang telah ditetapkan mesti dihormati dan dipatuhi bagi menjamin bahawa setiap anggota masyarakat dapat hidup secara aman damai dan menjalankan kegiatan harian secara sempurna. Ini penting untuk menjamin kesenangan hidup semua anak buah yang berkenaan.

Struktur adat juga mempunyai undang-undang yang bernilai tinggi dan rapi, baik di dalam hal-hal adat atau jenayah. Walau bagaimanapun undang-undang itu tidak bertulis dan memerlukan pemahaman dan pentafsiran yang mendalam untuk memahaminya, kerana kebanyakan undang-undang dan peraturan ini terkandung di dalam kata-kata perbilangan dan peribahasa.

Struktur Ekonomi adat pula mempunyai lunas-lunasnya yang tersendiri. Hak milik keatas sumber-sumber ekonomi, tanah khasnya, adalah bergantung kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh seseorang ke atas tanah itu. Kedudukan tanah dan jenis harta yang lain juga terbahagi kepada beberapa kategori yang dibahagikan menurut asal-usul kedatangan harta itu. Pembahagian harta-harta ini pula adalah bergantung kepada jenis yang telah dikategorikan itu. Di dalam harta pusaka misalnya adat membilang, "cari bahagi, dapatan tinggal, pembawa kembali". Bahagi harta-harta jenis lain adalah bergantung kepada ahli waris sama ada mahu menggunakan hukum adat, syarak atau hukum kebulatan. Walau bagaimanapun sebagai sebuah wilayah yang kuat mengamalkan adat maka hukum-hukum adat lebih diutamakan dari lain-lain asas hukum.

Bersesuaian dengan prinsip adat yang berasaskan kepada suku mengikut darah keturunan ibu, maka di dalam pembahagian harta pusaka suku, kaum perempuan lebih diutamakan. Walau bagaimanapun bagi anak lelaki adalah berhak untuk mengusahakan tanah itu selagi mereka masih bujang. Malah menjadi tanggungjawab kepada kaum perempuan yang memiliki harta untuk membantu keluarga lelakinya yang berada di dalam kesusahan; seperti menggunakan harta pusaka untuk membela saudara lelakinya yang teraniaya dan sebagainya.

Di dalam pentadbiran tanah adat pula, hukum adat di susun begitu rapi dan licin sekali. Tanah pusaka dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut asal usul kedatangan harta itu seperti pusaka suku, pusaka waris, pusaka carian, pusaka dapatan dan lain-lain lagi. Pembahagian Pusaka ini adalah tertakluk kepada pengesahan ketua-ketua adat setempat, seperti kedim, Buapak, Lembaga (Tua) dan Penghulu.

Campurtangan Inggeris 1832, mencipta satu situasi baru di-wilayah adat. Lahirnya 'dualisma pentadbiran', iaitu pentadbiran adat dan pentadbiran Burukrasi British, diikuti juga dengan dualisma di dalam sosial dan ekonomi. Perubahan ini adalah lantaran dari perkembangan-perkembangan baru di dalam bidang pelajaran, ekonomi dan Infra-Struktur yang berlaku di wilayah adat. Perkembangan-perkembangan ini telah melahirkan kekayaan material dan perubahan puncak pemikiran masyarakat, telah membawa kepada tergugatnya struktur adat yang telah diwarisi sejak beberapa jenerasi itu. Perkembangan ini membawa kearah longgarnya ikatan anak buah dan kekeluargaan di dalam suku dan berkurangnya peranan ketua-ketua adat di wilayah adat. Dengan ini amalan adat kian luput dan dilupakan oleh penganut-penganutnya sendiri dari semasa kesemasa dan diakhir-akhir ini kita dapat yang tinggal cuma adat yang dasar, yang mana beroperasi sebagai pentadbir tanah adat sahaja.

Ketipisan tanah adat dari semasa kesemasa membawa kearah tipisnya juga amalan dan hukum-hukum adat yang berkenaan.

SENARAI KEPENDIKAN

S.P.	=	SURAT PERSENDIRIAN
JMBRAS	=	JOURNAL OF ROYAL ASIATIC SOCIETY-MALAYAN BRANCH.
JSBRAS	=	JOURNAL OF ROYAL ASIATIC SOCIETY-STRAITS BRANCH.
JSEAH	=	JOURNAL OF SOUTHEAST ASIAN HISTORY.
MHJ	=	MALAYAN HISTORICAL JOURNAL.
E.M.R.	=	ENACTMENT OF MALAY RESERVATION.
A.R.	=	ANNUAL REPORT.

PRAKATA

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah bermurah hati membiayai perbelanjaan penyelidikan di wilayah adat perpatih Naning, kerana persediaan untuk menulis latihan ilmiah ini. Pertolongan ini amat besar maknanya kerana tanpa bantuan tersebut berarti tidak berkemungkinan sama sekali untuk saya menyediakan latihan ilmiah ini. Di sini juga saya tidak ketinggalan untuk menyampaikan rasa penghargaan dan terhutang budi kepada Encik Mohd. Amin Haji Hassan, Jabatan Syarah Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana teguran dan panduan beliau di dalam penulisan latihan ilmiah ini. Juga kepada Professor Zainal Abidin b. Abd. Wahid, Dr. J. Chandran dan Drs. Teuku Ibrahim Alfian diatas nasihat yang sama-sama mereka telah berikan.

Satu hal yang jelas bahawa temuramah adalah memberi ilham dan pandangan yang bernilai di dalam penulisan latihan ilmiah ini. Dengan ini saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Datuk Naning Mohd. Shah, Orang Kaya Sri Maharaja Merah, Balai Undang Naning, Simpang Empat, Alor Gajah Melaka, Haji Maasim b. Ariff, Kampong Paya, Masjid Tanah, Jaalam b. Haji Idris, Kampong Peguh Dalam, Alor Gajah, Melaka, Haji Husin b. Mat, Batu 19, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka dan lain-lain lagi yang tidak dapat saya senaraikan kesemua sekali di sini, kerana ruangan yang terhad, diatas kerjasama dan pertolongan yang mereka berikan semasa saya berada di wilayah berkenaan.

Akhir kata saya merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Pustakawan dan kakitangan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia kerana kemudahan dan kerjasama yang mereka berikan. Juga tidak ketinggalan kepada Cik Sa'adiah bt Hasan, Jabatan Ilmu Hisab Universiti Kebangsaan Malaysia kerana pertolongan beliau menaip latihan Ilmiah ini dan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Che Uda b. Che Nik.

Jabatan Sejarah

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

TUJUAN.

Tujuan latihan ilmiah ini ialah untuk cuba membincangkan Struktur Sosial dan Ekonomi yang terdapat di Wilayah Adat Perpatih Naning. Wilayah Adat Perpatih Naning yang dimaksudkan di sini adalah merangkumi mukim-mukim, 'Tabuh Naning, Melekek, Brisu, Ayer Pa'Abas, Sungai Petai, Rembia, Kelemak, Melaka Pindah, Gadek, Padang Sebang, Pulau Sebang, Tanjung Rimau, Kemuning, Tebong, Pegoh, Sungai Buluh, Lendu, Sungai Siput, Ramuan China Kechil, Ramuan China Besar, Masjid Tanah, Sungai Baru Ulu, Batang Melaka, Jus dan Nyalas'.⁽¹⁾

Penulisan tajuk ini adalah bersesuaian dengan konsep baru penulisan Sejarah Malaysia, yang mana mahukan supaya 'sosio-budaya' Bumiputra dijadikan asas di dalam penulisan semula Sejarah Tanah Air. Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan di sini bahwa penulisan sejarah negara kita sekarang, yang kebanyakannya diusahakan oleh penulis-penulis Barat adalah terlampau tertumpu kepada soal politik,⁽²⁾ hingga mengakibatkan kontinuiti di dalam penulisan sering tergugat apabila melalui zaman-zaman penjajahan luar ke atas negara ini.

Wilayah Adat juga mengalami sejarah penulisan yang sama. Kebanyakan penulisan mengenai Wilayah Adat yang kedapatan setakat ini hanya memuatkan sejarah-sejarah pergolakan politik sahaja.⁽³⁾

-
- (1) Suratan Harvey, Notes On Naning Customs, SP 16/2/17. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Lihat Lampiran Peta I.
 - (2) Khoo Kay Kim, Sejarah Tempatan, dalam Penyelidik, Jil.I, Bil I, Kuala Lumpur, 1972, h. 101 - 105.
 - (3) Sebagai contoh lihat Mills, L.A., British Malaya 1824-1867, Kuala Lumpur, 1969. Lihat juga Newbold, T.J., British Settlement In The Strait Malacca. Vol.II, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, Eunice Thio, British Policy in The Malay Peninsula 1880-1900, Vol.I, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1961.

Itupun hanya terhad kepada peristiwa-peristiwa disekitar peperangan Naning - Inggeris 1830 - 1832 sahaja, sebalaknya Struktur Sosial dan Ekonomi Adat yang mana telah mendukung lahirnya Kerajaan Naning dan berjaya pula mencabar Kekuasaan Penjajah Barat untuk beberapa ketika telah diabaikan begitu sahaja. Jika ada pun penulis-penulis yang memasuki bidang ini, hanya secara sekali imbas dan sambil lalu sahaja. (4)

MENGAPA NANING DIPILIH.

Wilayah ini telah dipilih untuk tujuan latehan ilmiah ini kerana beberapa kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. (5) Keagungan Sejarah Awal wilayah ini didalam menghadapi dan mencabar perluasan kuasa penjajah Barat adalah menjadi salah satu sebab mengapa wilayah ini dipilih untuk diadakan penyelidikan yang lebih rapi dan pendekatan yang lebih sesuai dengan kehendak baru didalam penulisan sejarah tanah air.

-
- (4) Lihat Bladgen, C.O., "Minangkabau Customs - Malacca, "JMBRAS, Vol. viii, Pt. ii, December, 1930, pp. 307 - 313, Ramsay. A.R., "Notes On The Kampong Official in The Alor Gajah District of Malacca, 1932 - 1935, "JMBRAS, Vol. xxiii, Pt. iii. 1950, Newbold, T.J., Political and Statistical Account in The Strait of Malacca 1806 - 1850, Jil.II, 1971, pp. 190 - 265.
- (5) Untuk pengetahuan eluklah ditegaskan disini bahawa Naning adalah sebuah wilayah Bendalaman Negeri Melaka, letaknya diantara Melaka Tengah dan Rembau, Negeri Sembilan. Luasnya kira-kira 200 batu persegi, Sebahagian besar penduduknya adalah terdiri dari orang-orang Melayu yang berketurunan Minangkabau. Mereka ini keseluruhannya adalah menganuti Adat Perpatih Nan Sebatang yang juga berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau. Hasil keluaran utama kawasan ini ialah pertanian seperti padi, gambir, buah-buahan dan rotan. Diperangkat awal kedatangan British dahulu Naning menghasilkan sedikit galian bijih timah. Untuk keterangan lanjut, lihat Newbold, T.J., Op. Cit. pp. 245 - 246, Mills, L. A., Op. cit. p. 115.

Keagongan Sejarah Awal Naning adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan lagi. Naning yang telah dibuka oleh orang-orang Melayu keturunan Minangkabau, diawal abad ke 16 atau mungkin lebih awal dari ini, ⁽⁶⁾ telah menyertai konfederasi Negeri Sembilan yang dipercayai telah wujud pada tahun 1673. Sebagaimana rakannya yang lain didalam konfederasi, Naning juga pada mulanya adalah bernaung dibawah kekuasaan Kesultanan Melayu Johor. Didalam hal ini pepatah Adat Membilang:

"Beraja ke Johor,

Bertali ke Siak,

Bertuan ke Minangkabau."⁽⁷⁾

Hal ini berterusan sehingga ke tahun 1757, apabila Johor secara rasmi menyerahkan hak untuk menaung negeri-negeri ini kepada pihak Belanda. Sebelum dari kedatangan Belanda ke Melaka tahun 1641. Orang-orang Portugis yang menduduki Melaka, telah membuat hubungan secara langsung dengan penduduk Naning. Pemerintah-pemerintah Portugis telah menghantar tiga orang wakil ke Naning, iaitu Souza, Mandis dan Francisco Pimjero untuk menguruskan soal perlantikan Dato' Penghulu Naning. Dengan Persetujuan raayat Naning,

(6) Mengikut setengah penulis bahawa Naning telah mula diduduki sejak kekuasaan Kerajaan Melayu Melaka lagi dan ramai dari penduduknya adalah berasal dari Minangkabau, Sumatra. Untuk keterangan lanjut lihat Turnbull, C.M., The Strait Settlement 1826 - 1867. The Athlone Press, London, 1972, pp/ 236 - 271.

(7) Temuramah dengan Yang Amat Mulia Dato' Naning Muhammad Shah, Balai Undang Naning, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka pada 26. 4. 1973.

maka Dato' Siroja Merah telah dilantek menjadi Dato' Penghulu Naning dan ia adalah dari suku Biduanda, (8)

Portugis tidak cuba untuk menaaluki Naning seperti yang dilakukannya keatas daerah-daerah lain. Naning cuma dikehendaki membayar cukai sebanyak 10 peratus sahaja dari hasil eksport-impotnya kepada Portugis di Melaka. Mengikut rekod Portugis.

"The Shahbandar gets 10 percent of betel coming down the river Naning for the intertainment of envoys, nachados, etc. on departure and arrival," (9)

Bila Belanda menduduki Melaka pada tahun 1641, Belanda mendakwa Naning sebagai sebahagian dari negeri Melaka yang menjadi haknya. Apabila Naning enggan menerima dakwaan ini. Naning telah disebarang pada tahun 1643, Belanda telah memaksa Naning untuk menanda tangani satu perjanjian damai dengan mereka. Antara syarat-syarat perjanjian itu ialah:

- (a) Naning akan membayar cukai sebanyak 10 peratus dari hasil keluarannya kepada Belanda di Melaka setiap tahun.
- (b) Orang besar Naning setiap tahun akan ke Melaka bagi mengikrarkan taat setia kepada pemerintahan Belanda.
- (c) Naning berjanji untuk menerima nasihat Belanda didalam hal pentadbiran negeri.

(8) Abdullah bin Abd. Kadir Munshi., Hikayat Abdullah, dlm. A.H. Hill, The Hikayat Abdullah, JMBRAS, Vol. 28. Pt. III, 1955, Kuala Lumpur, 1971, p. 354. Zaman penduduk Portugis di Melaka, penduduk di Wilayah adat Perpatih Naning maseh lagi sedikit. Kedudukan pentadbiran juga maseh lagi belum sempurna. Campurtangan Portugis didalam hal perlantikan Dato' Penghulu seperti yang dicatitkan oleh Abdullah itu jelas memperlihatkan keadaan ini.

(9) Shahba, Pesaka Naning, Sentosa Store, Kuala Pilah, 1951. h. 20

Pada tahun 1775 iaitu lapan tahun setelah Belanda menerima secara rasmi hak untuk menaung Naning dari Kerajaan Melayu Johor, maka pihak pemerintah Belanda telah mengurangkan kadar cukai ini. Naning cuma dikehendaki membayar 400 gantang sahaja hasil keluarannya setahun kepada Belanda, iaitu kira-kira satu perseribu dari hasil keluaran Naning keseluruhannya. Walau bagaimanapun syarat-syarat lain masih berjalan seperti biasa. (10)

Menyentuh soal sikap penduduk Naning terhadap kuasa penjajah Belanda, Thom Schippers didalam laporannya ada menulis:

"The inhabitation of Naning, though vassel and subject of company, are general very disloyal and inconsistency. They sometime work closely with the people of Rembau, the similarity of their and proximity of their land give them great opportunity for doing so. They are moreover fickle and much inclined to change. They must therefore be kept carefully and constantly within the bound of their duty, and for his purpose they have been urged and held to their due annual homage to Company, for experience has taught that if this neglected they become somewhat forgetful of their dependence on the Company and their due loyalty obedience to it, they insensibly turn a side from it sometime pass on to disobedience and ever intrigue ... (11) ... (12)

Dari laporan ini, nyatalah bahawa walaupun Wilayah Adat Naning menerima persetujuan perdamaian dengan pihak-pihak penjajah, tetapi penerimaan itu adalah kerana terpaksa dan sudah tidak dapat dielakkan lagi.

-
- (10) Tujuan Belanda menetapkan cukai 400 gantang setahun keatas Wilayah Adat Naning ialah kerana:
- (a) Menyenangkan pentadbiran, disamping mengurangkan belanja-pentadbiran.
 - (b) Untuk mengendurkan penentangan rakyat Naning keatas Belanda.
- (11) Brian Harrison, "Malacca in the 18th century; two Dutch Governors Report, "JMBRAS, Vol. xxvii, pt.i, Singapore, 1954, pp. 24 - 34.

Hasrat untuk bebas dan tidak terikat dengan mana-mana perjanjian yang menjatuhkan marwah dan martabat Wilayah Adat sentiasa berkembang subur sepanjang masa.

Kedatangan kuasa Penjajah British diakhir abad ke 18 dan diawal abad ke 19 membawa penekanan yang sama keatas Naning sebagaimana kuasa-kuasa Barat lain juga. Walau bagaimanapun sehingga meletusnya peperangan Naning - Inggeris kedua 1831/1832, didapati Naning masih berjaya mempertahankan hak kedaulatannya dari dimusnahkan oleh pihak Inggeris. Seawal-awal perhubungan diantara Naning dan pihak Inggeris telah berlaku pada tahun 1801 (Masa itu Inggeris menggantikan Belanda menduduki Melaka, berikutan dari meletusnya Perang Napoleon di Eropah), bila perjanjian dibuat diantara Dol Said, Penghulu Naning dengan Colonial Taylor, yang mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris. Perjanjian ini antara lain menyebutkan:

- (a) Naning mengaku taat setia kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris dan mengaku tidak akan bermusuhan dengannya.
- (b) Cukai sebanyak 400 gantang setahun akan dibayar kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris di Melaka.
- (c) Penghulu atau orang Besar Naning mesti ke Melaka sekali atau dua kali setahun untuk membuktikan taat setia ini⁽¹²⁾

Apabila Inggeris menduduki Melaka semula pada tahun 1824, melalui Perjanjian Inggeris - Belanda 1824 dan Melaka ditukarkan dengan Bengkulu, Inggeris menggunakan perjanjian 1801 untuk mendakwa bahawa Naning adalah

(12) Lihat Turnbull, C.M., Op.cit. p. 263, Shahba, Op.cit. h.20

dibawah kekuasaan Melaka. Robert Fullerton sendiri telah mendakwa bahawa perjanjian itu sebagai satu bukti yang sah dari segi 'de jure' mengenai kedudukan Naning dibawah Melaka. Dengan ini pada tahun 1828, Lewis mencadangkan supaya pihak Inggeris menyamakan hak memungut cukai di Naning dengan daerah-daerah lain di Melaka. Pihak Inggeris mengikut Lewis tidak lagi sepatutnya membekukan hak memungut cukai secara langsung di Naning itu seperti yang dilakukan di Daerah-daerah lain di Melaka. Kegagalan mengenakan cukai yang sama di Naning adalah merugikan pihak Inggeris sendiri, kerana kebanyakan pegawai Inggeris pada masa itu mempercayai bahawa Naning mengeluarkan hasil yang banyak. (13)

Keengganan Dato' Dol Said untuk menerima pentafsiran yang dibuat oleh pihak Inggeris, diikuti pula oleh beberapa rentetan peristiwa lain, membawa kepada meletusnya peperangan diantara Naning dan Inggeris pada tahun 1830. Didalam peperangan ini pihak Inggeris telah dapat ditewaskan. Kekalahan ini mengikut Mills, adalah kerana bantuan Rembau.

"The British defeat was in large part due to the assistance which the Penghulu had received from Rembau, a small state in Negeri Sembilan..... which lay in the border of Naning." (14)

Walaupun dalam peperangan kedua, pihak Inggeris telah mendapat kejayaan dan Naning telah dapat dialahkan apabila pihak Inggeris berjaya

(13) Turnbull, C.M., Ibid.,. 264.

(14) Mills, L.A., Op.cit.p. 268

mempengaruhi Syed Shaaban dan Raja Ali dari Rembau supaya menyebelahi Inggeris dengan janji bahawa Inggeris akan menghormati kebebasan dan kedaulatan Rembau, disamping bayaran sagu hati jika Naning dapat didialahkan. (15)

Jun, 1832, Tabuh, pusat pentadbiran Naning telah jatuh ketangan Inggeris dan dengan ini bermulalah sejarah penjajahan Inggeris keatas Naning. Langkah pertama yang diambil oleh pihak Inggeris setelah berjaya menawan Naning ialah menghapuskan struktur pentadbiran secara Perpatih di-Naning. Seluruh Wilayah Naning telah dibahagikan kepada 15 buah mukim yang diamanahkan kepada 15 orang penghulu mukim. Mengikut catitan Abdullah, mukim-mukim dan penghulu-penghulu itu adalah seperti berikut:

<u>Tempat (Mukim)</u>	<u>Nama Penghulu</u>	<u>Suku</u>
Ikan Lemak	Bilal Manja	Batu Belang
Pikan	Mamat	Batu Belang
Tabuh	Safar	Semelenggang
Lendu	Kiman	Tiga Batu
Ayer Pa'Abas	Dul	Anak Melaka
Sungai Siput	Laut	Semelenggang
Padang Sebang	Kuruh (Kurah)	Tiga Nenek
Tanjung Rimau	Lingkur	Tiga Batu
Pulau	Talib	Mungkal
Kemuning	Udin	Semelenggang
Batang Melaka	Kejal	Mungkal
Tebung	Dul Kunchi	Biduanda (16)

(15) Turnbull, C.M., Op.cit p. 268.

(16) Abdullah b. Abd. Kadir Munshi, Op.cit, h. 359.

Sungguhpun peperangan ini berakhir dengan kekalahan Naning dan Inggeris berjaya menumpaskan penentangan Bumiputera disitu, tetapi seperti kata Wilkinson, bahawa "Naning kehilangan otonomi, Syarikat Hindia Timur kehilangan wangnya dan yang beruntung didalam peperangan ini cuma Raja Ali dan menantunya yang bercita-cita besar - Saiyid Shaaban."⁽¹⁷⁾


Kebenaran kata-kata ini adalah jelas sekali, kerana didalam peperangan ini pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris mengalami kerugian lebih dari £100,000 dan kehilangan anggota tenteranya antara 1,200 hingga 1,400 orang. Hasil Wilayah Naning pula adalah kurang sekali dan ianya tidak mencukupi untuk menguruskan hal-hal pentadbiran negeri. Dengan ini nyata-lah bahawa pihak pentadbiran Syarikat Hindia Timur Inggeris telah membuat satu kesalahan besar apabila mereka membuat keputusan untuk menaaluki Naning dengan andaian bahawa Naning mengeluarkan hasil yang banyak. Walau bagaimanapun peperangan ini telah memberi satu pengajaran yang baik kepada pegawai-pegawai Inggeris supaya lebih berhati-hati didalam usaha-usaha mereka menghadapi kuasa-kuasa Bumiputera yang lain kemudiannya. Didalam hal ini Turnbull ada menulis,

".....The Naning war remained in synonymous with waste, meddle and expense, and a warning to restore local official from meddling in the affair of the interior..."⁽¹⁸⁾

(17) Wilkinson, R.J., Notes On Negeri Sembilan, in R.J. Wilkinson, paper Paper On Malaysia Subject, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, p. 303.

(18) Turnbull, Cm. M., Op. cit. p. 271

Memandangkan kepada keadaan ini maka setelah Dol Said menyerah kalah pada tahun 1834, Thomas Church, pemangku Govenor Negeri Selat pada masa itu telah mencadangkan supaya Jawatan Datuk Penghulu Naning dipulihkan semula, dengan diberikan taraf 'status que ante'. Cadangan ini telah diterima oleh pihak Majlis Undangan Negeri Selat dan dengan ini lahirlah semula Struktur Pentadbiran Adat Perpatih Naning, disamping Struktur Pentadbiran Birokrasi British. Orang yang pertama menyandang semula jawatan ini ialah Datuk Idas, dari Perut Tiga Suku Semelenggang Tabuh.⁽¹⁹⁾ Struktur baru pentadbiran Wilayah Adat hasil dari penyelarasan baru itu dapat digambarkan di dalam gambarajah seperti berikut:



DUALISMA PENTADBIRAN DI WILAYAH ADAT
YANG WUJUD SELEPAS CAMPURTANGAN
BRITISH

- (19) Senarai lengkap mengenai Penghulu-penghulu Naning ada di dalam lampiran IV.
- (20) Rajah ini direka hasil temuramah dengan Yang Amat Mulia Datuk Muhammad Shah, di Balai Undang Naning, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka pada 26.4.1973. Fungsi tiap-tiap institusi ini akan dibicarakan di dalam bab VI.

Dari apa yang telah dikemukakan di atas, jelaslah bahwa keistimewaan sejarah awal Naning adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan lagi. Perang Naning adalah satu-satunya penentangan pertama secara bersenjata yang diterima oleh penjajah Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu ini. Setengah-setengah gulungan menganggap bahwa perang ini sebagai inspirasi permulaan tercetusnya gerakan nasionalisme Melayu Semenanjung. Walau bagaimanapun hal ini masih boleh diperdebatkan lagi.

Kemenangan pihak Inggeris pula tidak memberi sebarang makna, kerana pihak Inggeris tidak lama kemudian terpaksa pula memulihkan semula institusi yang mereka telah musnahkan itu. Pemulihan ini jelas menunjukkan bahwa pihak Inggeris tidak sanggup untuk terus mentadbir wilayah itu tanpa bantuan struktur Pentadbiran Adat yang telah berjalan sejak beberapa jenerasi di Wilayah itu. Pemulihan ini juga membolehkan struktur itu terus hidup dan berjalan lancar disamping Struktur Birokrasi British.

Dengan ini nyatalah bahwa walaupun Naning telah ditaaluki oleh Inggeris pada tahun 1832, tetapi Struktur Pentadbiran Perpatih masih dapat dipertahankan. Hal ini berterusan sehinggalah negeri ini mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957. Di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Melaka sendiri ada menyebut soal kewujudan Nanaing sebagai Wilayah Pentadbiran Adat. Antara lain Perlembagaan Negeri Melaka ada menyebutkan;

"Mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Dato' Penghulu Naning akan menduduki tempat kedua selepas Govenor bagi seluruh Wilayah Adat Naning.

.....Govenor juga akan menghubungi Dato' Penghulu Naning dan Dato' Penghulu akan bersedia untuk memberi nasihat secara terus kepada Govenor, dalam semua hal yang mana pada pendapat Govenor atau Penghulu Naning, sesuatu itu ada hubungan dengan Adat Perpatih Naning diseluruh Wilayah Adat Perpatih Naning. (21)

Tercatitnya ceraiian ini didalam perlembagaan Persekutuan dan Negeri, bermaknalah bahwa struktur ini akan terus kekal didalam amalan pentadbiran wilayah berkenaan. Keistimewaan ini tidak didapati oleh Wilayah-wilayah lain yang pernah menyertai Konfederasi Negeri Sembilan didalam abad ke 17, melainkan Wilayah-wilayah yang termasuk dibawah Negeri Sembilan hari ini.

Selain dari keistimewaan sejarah awalnya, penulis juga memilih tajuk ini kerana memandangkan beberapa kekeliruan pentafsiran yang dibuat oleh penulis-penulis sebelum ini mengenai Struktur Sosial dan Ekonomi Adat. Bladgen, misalnya satu-satunya penulis yang cuba membincangkan secara khusus struktur ekonomi adat, telah menimbulkan beberapa kekeliruan dan salah pentafsiran. Antara lain didalam tulisan beliau ada menegaskan bahawa "anak perempuan akan mendapat semua harta dan anak lelaki cuma dapat menuntut belanja kahwin sahaja." (22) Pentafsiran bagini sebenarnya tidak jelas dan mengelirukan. Bladgen tidak cuba untuk menghuraikan secara lebih mendalam

(21) Perlembagaan Negeri Melaka, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1963, Pt. 4, (34), p.10.

(22) Bladgen, C.O., Op.cit, p. 308.

bentuk harta yang dimaksudkan, kerana kita tahu didalam Adat Perpatih terdapat berbagai jenis harta dan tidak semua harta itu tidak dapat dimiliki oleh anak laki-laki.

Kekeliruan ini tidaklah menghairankan kita kerana penulisan yang dibuat tidak berasaskan kepada kajian dan penelitian yang rapi dan mendalam. Bladgen sendiri mengakui bahwa penulisanannya adalah berasaskan kepada cerita yang diberikan oleh Penghulu Jaafar dari Daerah Jassin sahaja. ⁽²³⁾ Adalah diharapkan bahwa penulisan ini akan dapat membetulkan beberapa kekeliruan dan salah pentafsiran yang timbul, disamping mengemukakan beberapa fakta baru yang masih belum diteroka sebelum ini.

JANGKAMASA 1900 - 1940.

Jangkamasa diantara 1900 - 1940 pula dipilih kerana dua faktor yang tersendiri. Pertamanya, kerana didalam jangkamasa inilah banyak berlaku perubahan-perubahan yang dianggap menjadi 'titik tolak' kepada masyarakat Wilayah Adat secara keseluruhannya. Perubahan pesat ini berlaku kerana didalam jangkamasa inilah berlaku perkembangan secara meluas didalam bidang-bidang pelajaran, baik pun didalam bidang pelajaran Melayu, pelajaran Inggeris atau pelajaran Ugama. Keduanya, didalam jangkamasa inilah juga berlaku mobiliti secara meluas, sama ada mobiliti kawasan atau mobiliti sosial. Keadaan ini berlaku kerana adanya kemajuan didalam bidang pelajaran dan kemajuan pesat Ekonomi Perdagangan, menggantikan ekonomi secukup hidup yang telah dipusakai sejak turun temurun.

(23) Kekeliruan dan kesalahan pentafsiran ini akan dibincangkan secara mendalam didalam Bab iv.

BAHAN, KAEDAH DAN MASAAALAH.

Didalam penulisan ini, selain dari bahan-bahan bertulis, bahan-lisan juga telah digunakan. Sebanyak lebih daripada 30 orang bekas-bekas ketua adat, guru-guru, dan pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di-antara tahun-tahun 1910 - 1940 telah ditemuramah. Dari hasil-hasil temu-ramah ini beberapa hasil bahan bertulis telah dapat disahkan kebenarannya, disamping beberapa bahan baru yang amat berguna telah dapat diketemui. Kerjasama yang diberikan oleh individu-individu yang berkenaan sungguhlah baik dan memuaskan. Sungguhpun demikian terdapat beberapa masaaalah di-dalam menggunakan bahan-bahan temuramah ini. Masaalah utama yang di-hadapitalah keseluruhan mereka yang telah ditemuramah tidak mempunyai catitan peringatan persendirian. Dengan ini kebanyakan dari fakta-fakta yang dikemukakan sukar untuk di pertahankan. Kebanyakan tarikh-tarikh yang dikemukakan pula lebih bersifat ANTARA.

Satu lagi keadaan yang perlu juga dikemukakan disini bahawa sebahagian dari orang-orang yang telah ditemuramah itu adalah lebih bersifat 'pemerhati'. Hal ini berlaku kerana sebahagian dari mereka-mereka yang telah melibatkan diri secara langsung dengan kegiatan-kegiatan adat untuk jangkamasa ini telah pun meninggal dunia. Walau bagaimanapun satu hal yang jelas ialah bahawa temuramah telah dapat memberi satu gambaran umum mengenai Struktur Sosial dan Ekonomi di Wilayah Adat Perpateh Naning, Diantara tahun-tahun 1900 - 1940.

Menyentuh sumber-sumber bertulis pula, sumber-sumber prima dan sumber-sumber kedua telah digunakan. Diantara sumber-sumber prima yang

telah digunakan ialah catetan beberapa orang yang telah ditemuramah, surat menyurat diantara pemegang Adat Perpateh Naning dengan Pegawai-pegawai British, Rekod-rekod lama Pejabat Daerah dan Pejabat Polis, Alor Gajah Melaka dan penerangan secara bertulis dari Yang Mulia Dato' Naning Mohd. Shah, Alor Gajah, Melaka.

Didalam penggunaan sumber-sumber kedua pula beberapa jenis majallah dan Jernal dan buku telah digunakan. Walau bagaimanapun kebanyakan dari sumber-sumber ini, yang didapatkan setakat ini, cuma membicarakan Wilayah Adat secara sekali lalu sahaja. Cuma Bladgen, Hooker, Humprey dan Shahba sahaja yang secara langsung membicarakan Wilayah Adat Perpateh Naning.⁽²⁴⁾ Dengan ini nyatalah bahawa sumber kedua kurang memberi pertolongan didalam penulisan ini. Bahan-bahan kedua lebih merupakan panduan didalam penulisan sahaja.

Umumnya bolehlah dikatakan disini bahawa didalam penulisan ini, sumber-sumber prima, bahan-bahan bertulis dan temuramah, lebih banyak digunakan, manakala bahan-bahan kedua pula penting sebagai garis panduan didalam penulisan ini.

PEMBAHAGIAN BAB

Latihan Ilmiah ini akan mengandungi 6 bab semuanya. Ini tidak termasuk PENDAHULUAN dan PENUTUP. Bab pertama, khususnya akan membicarakan Struktur Sosial di Wilayah Adat secara terperinci. Ia akan menyentuh soal-soal hidup bersuku, pantang larang hidup bersuku, pembahagian suku dan tugas setiap anak buah didalam hidup masyarakat secara bersuku.

(24) Senarai lengkap bahan-bahan rujukan ini ada dikemukakan didalam Lampiran Bahan-bahan Rujukan.

Bab II pula akan membicarakan 'Adat Istiadat dan Perayaan' yang terdapat di Wilayah Adat. Didalam pembicaraan ini cuma empat adat istiadat sahaja akan dibicarakan, iaitu Adat Istiadat Berkedim, Semenda menyemenda, Berpuar dan Adat Istiadat Kematian. Keempat-empat istiadat ini telah dipilih kerana ianya mempunyai perhubungan yang rapat dengan Struktur Sosial dan Struktur Ekonomi yang cuba dikemukakan didalam latihan ilmiah ini.

Bab III pula akan cuba meninjau soal-soal peraturan-peraturan hidup yang terdapat di Wilayah Adat. Peranan tiap-tiap golongan didalam menegakkan peraturan ini juga akan diperbincangkan, disamping itu penyelesaian diantara Hukum-hukum Adat dan Hukum-hukum Shara' secara tidak langsung akan cuba diselitkan didalam perbincangan-perbincangan yang dilakukan.

Struktur Ekonomi Adat pula secara khusus akan dibincangkan didalam bab iv. Ini akan menyentuh soal-soal hak milik, hak menguasai harta, dan jenis-jenis harta yang terdapat didalam pentadbiran Adat. Struktur pentadbiran Adat keatas tanah Adat yang berkait secara langsung dengan kegiatan ekonomi ini akan dibincangkan didalam bab v. Pemisahan ini dibuat kerana memandangkan tanah sebagai sumber utama ekonomi adat harus diberi perhatian yang istimewa, disamping memikirkan kedudukan pentadbiran tanah yang begitu rumit yang seharusnya diberi perhatian yang lebih rapi mengenainya.

Didalam bab vi pula akan diperkatakan perubahan-perubahan yang berlaku didalam struktur Sosial dan Ekonomi di Wilayah Adat hasil dari

perkembangan-perkembangan baru didalam bidang-bidang pelajaran, infra-
struktur, dan ekonomi keuangan didalam jangkamasa kajian ini. Hal ini
akan dihubungkan dengan lahirnya Dualisma Pentadbiran di Naning, dan
penyelarasan yang berlaku lantaran lahirnya dualisma didalam pentadbiran
itu.

Didalam kesimpulan pula akan ditinjau kembali semua bab yang
telah diperbincangan dan cuba melihat sama ada tujuan penulisan ini ber-
jaya atau tidak. Disamping itu akan cuba dikemukakan juga tentang benar
atau tidak pendapat penulis bahawa Struktur sosial dan ekonomi adat itu
amat sesuai didalam masyarakat yang bergantung hidup mereka kepada perta-
nian sebagai sumber perusahaan utama pencarian.

BAB I

ADAT DAN STRUKTUR SOSIAL NANING

Wilayah Nanning adalah menganuti 'Adat Perpatih Nan Sebatang' yang berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau, Sumatra. Struktur ini pada dasarnya sama juga dengan struktur adat yang diamalkan oleh masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan. Cuma beberapa bab dan fasalnya sahaja yang berbedza kerana faktor-faktor masa dan persesuaian dengan keadaan dan pengaruh-pengaruh masyarakat setempat.

Didalam struktur sosial adat, hidup masyarakat adalah bersuku dan berwaris. Setiap anak buah adat mempunyai sukunya masing-masing. Setiap individu hanya boleh menjadi anggota kepada satu suku sahaja. Perkataan suku didalam adat bolehlah kita difinasikan sebagai sekelompok penduduk yang berdasarkan perkaitan darah keturunan dari sebelah ibu. (1) Didalam hal ini agak berbedza dari pengertian suku didalam masyarakat Cina, yang mana lebih berasaskan kepada darah keturunan bapa. Menyentuh soal suku didalam masyarakat Cina, Murice Freedman menulis,

Sib' 'suku' dan 'nama keturunan' perseorangan didalam konteksnya bermakna bahawa ada kedapatan kelompok-kelompok tempatan yang mengandungi 'agnates' lelaki bersama-sama dengan 'agnates' perempuan yang belum lagi berkahwin dan keturunan-keturunan mereka. Peraturan mengenai keturunan yang berdasarkan eksegami,

(1) Josselin De Jong, P.E., Minangkabau and Negeri Sembilan, Bharata, Djakarta, 1960, p. 84.

seperti mana yang akan kita lihat adalah berikutan dari peraturan nama keturunan yang berdasarkan eksegami.⁽²⁾

Dari difinasi yang dikemukakan itu terdapat beberapa perbezaan yang jelas diantara pengertian suku didalam masyarakat adat dan pengertian suku didalam kalangan orang-orang Cina. Pertama, didalam masyarakat perpateh suku diukur mengikut garis keturunan perut ibu, tetapi dikalangan masyarakat China suku dikira mengikut keturunan bapa. Kedua, didalam masyarakat perpateh seseorang perempuan atau lelaki akan tetap menjadi anggota sukunya walau pun ia telah berkahwin, tetapi didalam masyarakat China seseorang perempuan itu tidak lagi menjadi anggota sukunya setelah ia berkahwin. Hal ini jelas dari nama keturunan yang mereka gunakan. Ketiganya, anggota suku didalam masyarakat China cuma dihasilkan dari keturunan bapa sahaja, tetapi didalam masyarakat Adat Perpateh Naning, anak buah mungkin datang dari 'adat istiadat berkedim',⁽³⁾ yang dijalankan.

Josselin De Jong telah mengemukakan beberapa ciri penting suku didalam struktur sosial adat, yang membezakannya dari struktur suku didalam masyarakat lain. Antara lain beliau menekankan bahwa, "eight characteristics do in fact occur in Minangkabau: matrilineal descent, matrilineal clans, clan exogamy, vendetta as a duty of the entire clan, clan authority therically in hand of the mother but rarely excised by her".

(2) Maurice Freedman, Lineage Organisation in Shouthern China, The Athlone Press, London, 1965, p. 3.

(3) Lihat bab II, h 54.62.....

in practice, authority of mother's brother, matrilocal marriage or visit husband of husband to his wife, succession of dignities from mother to son."⁽⁴⁾

Dari ciri-ciri yang telah dikemukakan diatas nyatalah bahawa anak buah didalam suku masyarakat adat perpateh mempunyai ikatan yang padu dan kukuh. Hidup didalam satu suku ibarat kata pepatah, "kebukit sama didaki, lembah sama dituruni, cicir sama rugi, semulia, sehina, seaiib sesopan."⁽⁵⁾

Struktur sosial disusun begitu rapi dan teratur sekali. Rapi didalam erti kata setiap anggota suku mempunyai tempat dan tugas masing-masing didalam suku, dan teratur pula didalam hal-hal perjalanan peraturan hidupnya. Kedudukan ini jelas didalam perbilangan,

"Sepertama Kalamullah
Kedua Kalamu Nabi,
Ketiga Kalam yang tua."

Kalam yang tua yang dimaksudkan disini ialah, "Alam beraja, luak berpenghulu, Ibu-papa beranak buah, Besar berpesaka,"⁽⁶⁾.

Diantara anggota suku selalunya mempunyai perhubungan yang rapat sekali. Mereka hidup saling bantu-membantu dan bekerjasama didalam semua hal.

(4) Josselin De Jong, P.E., Op.cit, p. 84.

(5) Abu Ehik Mat Sarom, Asal usul Adat Perpateh, Kuala Lumpur, 1962, h.257

(6) Mohd Isa b. Mahmud, Adat Bersuku cara Perpateh, atau faedah dari pengertian Adat Bersuku, di Sungai Ujong Press, Kuala Pilah, 1936, h. 20.
Dari kata-kata adat ini apa yang dimaksudkan ialah bahwa hidup didalam masyarakat Bersuku mestilah mematuhi hukum-hukum yang ditetapkan oleh Al-Qur'an, hadith-hadith Nabi dan Hukum-hukum Adat Perpateh (kalau yang tua) yang disampaikan melalui ketua-ketua dimukim-mukim atau di Kampong-kampong masing-masing.

Hubungan rapat diantara mereka dibayangkan oleh kata-kata Adat sebagai, "seperigi sepermainan, segayong seperigian, sejambak setepian, mufakat ta'bertukar, rahsia ta'berubah."⁽⁷⁾

Sungguhpun demikian hak setiap anak buah adalah dihormati. Setiap anak buah mempunyai fungsi dan tempatnya masing-masing didalam masyarakat suku. Didalam hal fungsi dan hak setiap anak buah ini, adat ada membilang, "Kambing biasa membebek, kerbau biasa menguak, ayam biasa berkukuk, murai biasa berkicau."⁽⁸⁾

Hakikat kebebasan ini dipertahankan sepenuhnya, 'Adanya istiadat berkampong'⁽⁹⁾ jelas memperlihatkan hal ini. Setiap anak buah adalah bebas mengeluarkan pendapat mereka didalam istiadat ini. Malah sesuatu pendirian dan keputusan yang diambil tentang sesuatu hal adalah merupakan pendirian atau keputusan 'bersama' dan dipertanggung jawabkan bersama oleh semua anggota suku. Nama baik anggota suku adalah menjadi tanggung jawab bersama dan setiap anggota suku adalah memainkan peranan yang penting didalam mempertahankan nama baik suku masing-masing. Mengikut Yang Amat Mulia Datuk Naning, Mohd Shah,

"Hidup bersuku, malu sama tanggung,
Hasil sama dirasa"⁽¹⁰⁾.

(7) (Ibid).

(8) Brown, B.J., Justice and Adat Perpatih Law or Lore, in K.G.Tregming, (ed) Papers On Malayan History, Journal of Southeast Asia History, Singapore, 1972, p. 139.

(9) 'Adat Istiadat Berkampong' memainkan peranan yang penting didalam Struktur hidup secara Perpatih. Istiadat ini merupakan adat istiadat Ber-kumpul semua anak buah suku untuk membincangkan satu-satu masaaalah atau pendirian yang harus diambil untuk kepentingan bersama. Didalam perhimpunan inilah juga selalunya sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh anak buah itu diadili. Adat Istiadat ini selalunya diketuai oleh Lembaga Suku.

(10) Y.A.M.Datuk Naning, Mohd Shah, temuramah pada, 26. 4. 1973. Mohd Isa bin Mahmud, Op.cit h. 20

Hidup didalam suku adalah saling bergantung dan bantu membantu. Adat tidak sekali-kali mengizinkan seseorang itu hidup sefara mementingkan diri sendiri, dan memisahkan diri dari anggota suku yang lain. Suku adalah satu keluarga yang besar, yang mana setiap anak buah mempunyai ikatan persaudaraan yang rapat dan mendalam. Didalam hal ini adat ada mengingatkan:

" Kalau gedang jangan melanda, jika cerdek jangan menipu,"⁽¹¹⁾

Perbincangan adat diatas mengingatkan kepada semua anggota suku supaya hidup bantu membantu. Seseorang atau sesuatu keluarga yang mendapat kemudahan hidup hendaknya janganlah menggunakan kemudahan itu untuk menekankan dan menambahkan lagi kemudahan hidupnya dengan menyusahkan anggota suku yang lain. Pengetahuan yang lebih dimiliki oleh seseorang didalam sesuatu bidang pula, janganlah hendaknya digunakan untuk menipu-orang lain. Biarlah kemewahan dan pengetahuan yang ada dapat digunakan untuk kesejahteraan anggota suku keseluruhannya. Inilah prinsip hidup didalam Struktur Amal Adat yang sangat dituntut dari setiap penganut. Adat sekali-kali tidak meredai hidup secara ' individu' yang tidak langsung menghiraukan kesejahteraan anggota suku keseluruhannya. Malah Struktur Sosial Adat memandang keji kepada individu yang cuba memencilkan diri dari anggota suku yang lain.

(11) Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur. 1964, M.S. 34.

Lanjutan dari struktur diataslah maka setiap hal yang hendak dilakukan mestilah dipertimbangkan betul-betul dengan memikirkan baik b buruknya dari segi anggota suku keseluruhannya. Hal ini penting, kerana sesuatu hal yang dilakukan, tidak dinilai sebagai perbuatan individu, tetapi ia dianggap perbuatan yang membayangkan hasrat anggota suku keseluruhannya. Perkataan dari sinilah maka struktur sosial adat telah disusun dengan rapi dan ketat, supaya dapat mengawal setiap anggota suku dari melakukan perbuatan-perbuatan yang melanggar tatasusila adat dan boleh menjatuhkan imej sesuatu suku. Setiap suku melalui usaha-usaha Lembaga dan Buapak yang mencari kekuatan ahli waris didalam 'Istiadat Berkampong' akan menghukum sendiri setiap anak buah suku mereka yang melakukan kesalahan yang dianggap dapat mencemarkan nama baik suku mereka (12)

Anggota suku (Anak buah didalam bahasa Adat) didalam Wilayah Adat Perpatih Naning adalah didifinasikan sebagai keseluruhan anggota suku yang tidak memegang pusaka suku atau gelaran. Mereka-mereka yang memegang Pusaka Suku tidak termasuk didalam konsep anak buah, malah dianggap sebagai gulungan 'Ketua Adat'. Hal ini dibayangkan didalam kunci adat berikut:

"Anak buah kepada ibu-bapa,

Ibu-bapa kepada tua (Lembaga)

Tua kepada penghulu

Penghulu kepada Undang

Undang kepada Keadilan." (13)

(12) Temuramah dengan Y.A.M. Datuk Naning Mohd. Shah, di Balai Undang Naning, Simpang Empat, Alor Gajah Melaka, pada 26. 4. 1973 dan penerangan yang sama diberikan oleh Hj. Mat bin Husin, Batu 19, Kampong Simpang Empat, Alor Gajah Melaka pada 2. 5. 1973

(13) Temuramah dengan Hj. Maasin, Kampong Paya, Masjid Tanah, Alor Gajah Melaka, pada: 30. 4. 1973.

Secara keseluruhannya, semua penulis dan pengkaji Struktur Sosial di Wilayah Adat Perpatih Naning bersetuju bahawa terdapat empat suku yang menjadi asas kepada pemecahan suku-suku yang lain. Suku itu ialah Anak Melaka, Semelenggeng, Tiga Batu dan Mungkal.⁽¹⁴⁾ Hal ini diakui juga oleh penulis-penulis lain. Mengikut mereka, suku ini berpecah dengan lebih banyak mengikut pembukaan tempat-tempat baru dan nama suku-suku baru ini adalah mengambil sempena nama tempat baru ini. A.B. Ramsay, didalam penulisannya telah mengemukakan satu rajah untuk memperlaksanakan kedudukan pemecahan suku baru itu seperti berikut:

<u>Suku</u>	<u>Perut</u>
1. Semelenggeng	i. Kampong Padang
	ii. Taboh
	iii. Naning
2. Anak Melaka	i. Kg. Bukit
	ii. Nisan Tinggi
3. Tiga Batu	i. Nisan Tinggi
	ii. Tiga Nenek
4. Mungkal (Mungkar)	i. Bedara
	ii. Kuala Ena ⁽¹⁵⁾

Bilangan ini berubah dari semasa kesemasa. Mengikut M.B. Hooker, terdapat kira-kira 28 suku didalam wilayah adat didalam tahun-tahun 1960an. Perpecahan suku dan perut baru itu adalah seperti berikut:

(14) Suratan Harvey, Notes on Naning Customs, MSS. SP. 16. 2. 17--5. 7. 1892.

(15) Ramsay, R.A., Op.cit pp. 97 - 98.

<u>Suku</u>	<u>Perut</u>	
1. Semelenggang	i. Batu Kikir	iv. Melekek
	ii. Bunga Tanjung	v. Naning
	iii. Ayer Hangat	vi. Ibu.
2. Anak Melaka	i. Paya Dalam	v. Sungai Buluh
	ii. Limau Purut	vi. Rembau
	iii. Paya	vii. Kg. Bukit
	iv. Kundangan	viii. Solok
3. Tiga Batu	i. Lubok K ^e pong	v. Nisan Tinggi
	ii. Kemus	vi. Cherana Puteh
	iii. Peliang	vii. Seri Air.
	iv. Cherinage	
4. Mungkal (Mungkar)	i. Kemus	v. Machap
	ii. Arongan	vi. Bedara
	iii. Kuala	vii. Chinage ⁽¹⁶⁾
	iv. Peliang	

Didalam kajian penulis, didapati bilangan ini bertambah dari masa kesemasa. Hal ini berlaku kerana tercetusnya mobiliti secara berleluasa lantaran perkembangan ekonomi baru dan pembukaan kawasan baru di sekitar wilayah adat. Mengikut Y.A.M. Datuk Naning Mohd Shah, bahawa pada mula-mula Naning dibuka dahulu sebuah kampung hanya didiami oleh satu suku sahaja, tetapi kerana adanya peroses perkahwinan dan Semenda Menyemenda, hal ini tidak dapat dipertahankan lagi. Sebuah kampung sekarang didiami oleh lebih dari enam atau tujuh suku.⁽¹⁷⁾

(16) M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, p.96.

(17) Hal ini diperbincangkan dengan lebih mendalam didalam Bab VI. h. 150-186.

Ini dirasakan mempunyai perhubungan yang rapat dengan asal-usul kedatangan anak buah. Diwilayah adat anak buah lahir melalui tiga saluran utama, iaitu Melalui Kekembangan Perut Ibu, Melalui Kuasa Berkadim dan Melalui Perkahwinan dan Semenda Menyemenda.

Saluran pertama adalah bergantung kepada kadar kelahiran didalam suku itu sendiri. Jika besar kadar kelahiran didalam satu-satu suku itu, maka ramailah anak buahnya. Soal ini saya rasa dapat dihubungkan secara terus dengan bilangan orang-orang perempuan yang ada didalam suku tersebut. Situasi ini lahir kerana telah dijelaskan diawal-awal lagi bahwa anggota suku dikira mengikut aliran darah keturunan ibu atau perempuan. Jadi nyatalah bahwa bilangan keluarga perempuan suku yang berkahwin akan menentukan kadar pertambahan melalui saluran ini.

Selain dari kelahiran 'anak buah' melalui kekembangan perut ibu, anak buah juga bertambah melalui Kuasa Berkadim.⁽¹⁸⁾ Apabila seseorang itu telah melalui 'Istiadat Berkadim,' maka kedudukan dan haknya didalam suku adalah sama dengan anak-anak buah lain didalam suku tersebut. Didalam hal ini Dato' Naning Menulis,

"Seseorang yang telah dikadimkan sepanjang Istiadat Berkadim, maka tarafnya adalah sama dengan anak-anak buah didalam suku itu, dan berhak baginya menerima harta pesaka suku itu juga. Bagi yang laki-laki boleh menerima Harta Pusaka Suku (gelaran) keparas Lembaga Nan Bersekat sahaja."⁽¹⁹⁾

(18) Berkadim dan Istiadatnya secara lebih mendalam akan dikemukakan didalam Bab II h. 54-62.

(19) Surat Datok Naning Mohd Shah kepada Tun Hj. Abd. Malek Govenor Melaka, Berkadim dengan Istiadatnya, 13. 7. 62. Fail No. 7 Dlm BDN. No. 19/62 Ref. 0056/12 - Pejabat Daerah Alor Gajah Melaka.

Dari penerangan diatas, apa yang jelas ialah bahawa seseorang yang menjadi anak buah wilayah adat perpatih secara berkadim itu mempunyai hak yang sama dengan anggota suku biasa. Bagi orang perempuan mereka berhak memiliki Pusaka Suku tempat ia berkadim dan bagi orang lelaki pula berhak mewarisi pusaka gelaran suku barunya itu, seperti gelaran Dato' Andika dan Dato' Angkai Besar, kalau ia dikadimkan kedalam suku Anak Melaka, Dato' Mangun didalam suku Tiga Batu dan gelaran Dato' Angkai Kecil dalam suku Mungkar, ⁽²⁰⁾ walau bagaimanapun hak-hak perwarisan ini hanya terhadap setakat jawatan yang dimiliki oleh Suku Lembaga Nan Bersekat sahaja, dengan lain perkataan, ia tidak mewarisi jawatan Dato'-Dato' Tiang Balai dan Undang Naning, kerana ia menjadi Pusaka Suku Nan Berganjak Tangga. ⁽²¹⁾

Dari kajian, didapati Istiadat Berkadim ini dilakukan kerana dua tujuan utama iaitu; Berkadim bagi orang luar wilayah adat yang dilakukan secara sukarela untuk merasai hidup secara bersuku dan Berkadim kerana terpaksa untuk berkahwin dengan anak buah suku, wilayah adat. Hal ini berlaku kerana adat hanya mengizinkan anak buahnya berkahwin dengan sesama penganut adat sahaja.

Kedua-dua saluran berkadim ini adalah menambahkan bilangan anak buah. Walau bagaimanapun penduduk wilayah adat biasa mengenali anggota jenis ini sebagai 'Anak Buah Suku Tumpang'. Sungguhpun adat memandang mereka ini sama dengan anak buah suku biasa tetapi didalam praktiknya mereka ini dianggap pendudukan kelas dua didalam masyarakat. Mereka inilah

(20) Kedudukan Pusaka Suku(gelaran) untuk suku masing-masing ada diberi oleh M.B.Hooker, Op.cit p.97. Didalam temuramah dengan Y.A.M.Datok Naning Mohd Shah, Op.cit.

(21) Kedua jenis suku ini akan didifinasikan kemudian.

kebanyakannya telah mencabuli berbagai peraturan melalui tingkah laku mereka. Misalnya berkahwin dengan anggota sesama suku, enggan mematuhi adat istiadat berkadim apabila berkahwin dengan orang luar wilayah adat dan lain-lain lagi.⁽²²⁾

Perkembangan anak buah melalui perkahwinan pula dihubungkan rapat dengan 'Istiadat Berkadim' yang kedua tadi dan proses semenda menyemenda. Sungguhpun diawal bab ini telah dikemukakan bahwa seseorang yang berkadim itu (lelaki) menjadi anggota suku asalnya, tetapi didalam praktiknya mereka ini berfungsi sebagai anak buah ditempat Semendanya (didalam suku isteri). Hal ini akan berterusan selagi ia bersama-sama isterinya. Ia berhak mengeluarkan pendapat dan turut berbincang didalam 'Istiadat Berkampong' suku isterinya, walaupun ia tidak berhak memikul gelaran suku tersebut. Jadi melalui proses perkahwinan dan semenda menyemenda, mereka ini menjadi anggota tidak rasmi suku isteri mereka. Merekalah juga yang menjadi pengawal untuk keselamatan suku itu. Hal ini berlaku kerana anggota lelaki suku isteri mereka telah menyemenda pula kedalam suku lain.⁽²³⁾

Selain dari saluran perkembangan perut ibu, 'Istiadat Berkadim' dianggap sebagai saluran penting didalam menambahkan bilangan anak buah satu-satu suku. Cara ini amat penting diawal kurun ke-20 dahulu, manakala penduduk masih lagi kurang. Selalunya orang-orang perempuan diberi keutamaan lebih didalam 'Istiadat Berkadim' ini kerana mereka dianggap

(22) Hal ini juga diperbincangkan dengan lebih mendalam didalam Bab VI. h. 54-62.


(23) Jaalam b. Hj. Idris, Pegoh Dalam, Alor Gajah, Melaka pada 28. 4. 1973.

akan kekal didalam suku dan dapat menarik lebih ramai orang dagang ke-
dalam suku tersebut melalui perkahwinan kelak⁽²⁴⁾

Menyentuh soal ikatan anak buah didalam wilayah adat pula,
secara teorinya terdapat empat jenis ikatan mengikut pembahagian adat:

- Pertamanya: Satu Suku Satu Waris
- Kedua : Satu Suku Lain Waris
- Ketigan : Satu Waris Lain Suku
- Keempat : Lain Suku Lain Waris.⁽²⁵⁾

Ikatan satu suku satu waris akan lahir manakala dua bersaudara laki-laki dari satu suku menyemenda dan berkahwin dengan dua orang perempuan dari satu suku lain. Anak kedua bersaudara tadilah mempunyai ikatan 'Satu Suku Satu Waris'. Hal ini berlaku kerana anak-anak tadi mengikut suku emak mereka(matrilineal) dan mereka berasal dari satu waris(bapa mereka). Hal ini dapat ditunjukkan didalam gambarajah seperti berikut.



(24) Hj. Maasin, Kampong Paya, Masjid Tanah Alor Gajah, Melaka, pada: 30hb. April, 1973.

(25) Temuramah dengan Datok Naning Mohd Shah, Op.cit.


A dan B telah menyemenda dan berkahwin dengan X dan Y.

Hasil dari perkahwinan mereka ialah Ego (i) dan Ego (ii). Perhubungan diantara Ego i dan Ego ii inilah yang dikenali sebagai "Satu Suku Satu Waris".

Ikatan 'Satu Suku Satu Waris' juga akan lahir manakala si-suami 'bersalin tikar' didalam suku isterinya. Dengan lain perkataan ia berkahwin dengan saudara si-isteri setelah isteri pertama itu meninggal dunia. Dari rajah diatas, katakan A berkahwin dengan X dan mendapat Ego i. Selepas X mati A berkahwin pula dengan Y dan mendapat Ego ii. Hubungan diantara Ego i dan Ego ii itulah dianggap 'Satu Suku Satu Waris'. Walau bagaimanapun adat kurang menggalakkan perkahwinan yang sedemikian rupa, kerana adat menganggap ini sebagai "Sumbang Balai Melentang." Dengan lain perkataan, perbuatan yang sedemikian rupa membawa situasi yang kurang suci didalam ikatan kekeluargaan. Malah ia menggalakan timbulnya perbuatan-perbuatan yang curang didalam hidup bersuku. (26)

Ikatan Satu Suku Lain Waris pula akan lahir manakala dua orang lelaki dari berlainan suku menyemenda dan berkahwin didalam satu suku. Anak kedua lelaki dengan si-isteri yang sama suku inilah yang mempunyai ikatan satu suku lain waris. Didalam rajah ikatan ini boleh digambarkan seperti berikut.

(26) Lihat Josselin De Jong, P.E., Op.cit p. 127.



L = Semenda Menyemenda

△ = Laki-laki

○ = Perempuan

S = Semelenggang

M = Mungkar

A.M = Anak Melaka


----- = Hubungan Waris.

Didalam rajah diatas didapati Ego i dan Ego ii tidak mempunyai hubungan waris. Walau bagaimanapun mereka berada dibawah suku ibu mereka yang sama iaitu suku Anak Melaka. Hubungan yang beginilah dikenali sebagai hubungan atau ikatan 'Satu Suku Lain Waris'.

Menyentuh tentang soal ikatan 'Satu Waris Lain Suku' pula Datuk Naning, Mohd Shah menjelaskan bahawa ikatan serupa ini akan lahir manakala seorang lelaki (anak buah satu suku) berkahwin dua dengan dua orang perempuan yang berlainan suku. Atau ia boleh juga lahir manakala dua bersaudara dari satu suku (lelaki) menyemenda atau berkahwin didalam suku yang berlainan. Hubungan anak-anak mereka inilah yang dianggap 'Satu Waris Lain Suku'.⁽²⁷⁾

(27) Perlu juga ditegaskan disini bahwa seseorang itu tidak dibenarkan oleh adat untuk menyemenda dan berkahwin lebih dari satu didalam satu suku.

Didalam gambarajah kedudukan hubungan ini boleh digambarkan seperti berikut:



L = Semenda menyemenda

△ = Laki-laki

○ = Perempuan

A.M. = Anak Melaka

S = Semelanggan


T.B. = Tiga Batu

----- = Hubungan Waris.

Dari rajah kita dapat A menyemenda kedalam Suku Anak Melaka dan Suku Tiga Batu. Hasilnya mendapat Ego i dan Ego ii. Ego i dan Ego ii mempunyai ikatan waris, iaitu berasal dari A, tetapi mereka tidak punya ikatan suku. X dan Y berasal dari suku berlainan, oleh itu Ego i dan Ego ii tidak mempunyai ikatan persukuan. Ikatan diantara Ego i dan Ego ii inilah yang dikenali sebagai 'Satu Waris Lain Suku'.

Satu lagi ikatan yang terdapat didalam hidup bersuku, ialah 'Lain Suku Lain Waris'. Perhubungan ini adalah berasaskan bahwa mereka adalah sama-sama pemegang Adat Perpatih. Tidak ada lain-lain ikatan yang dapat

menghubungkan mereka seperti ikatan-ikatan diatas tadi. Kedudukannya dapat digambarkan seperti berikut:



—— = Hubungan Waris.
 L = Semenda Menyemenda
 S = Semelenggnag

M = Mungkar
 A. M = Anak Melaka
 T. B = Tiga Batu.


Dari rajah:

A dan B tidak mempunyai ikatan kekeluargaan dan duduk didalam suku yang berlainan. Dengan ini Ego i dan Ego ii tidak mempunyai sebarang ikatan selain dari sama-sama berada dibawah wilayah adat. Ikatan Ego i dan Ego ii inilah yang dikenali sebagai 'Lain Suku Lain Waris' (28)

Dari ikatan didalam suku yang telah dikemukakan itu dapatlah kita katakan bahwa perhubungan diantara anak buah didalam wilayah adat itu dapat dibahagikan kepada tiga jenis utama:

- Perhubungan menegak
- Perhubungan diagonal
- Perhubungan mendatar

(28) Keterangan Y.A.M. Datok Naning Mohd Shah, 25. April, 1973.



Jenis-jenis perhubungan ini adalah diasaskan kepada ikatan-ikatan mengikut pembahagian adat yang telah dikemukakan diatas. Jenis pertama, perhubungan menegak dihubungkan dengan pertalian suku atau perut. Hubungan jenis inilah dianggap paling rapat dan amat dipentingkan didalam hidup bersuku. Eratnya perhubungan jenis ini bermaknalah terjamin keutuhan hidup secara bersuku.

Perhubungan jenis yang kedua, iaitu perhubungan diognal (melintang) adalah berasaskan pertalian Narita atau darah keturunan bapa. Ini berlaku diantara anggota satu suku dengan anggota suku yang lain yang mempunyai pertalian darah bapa. (29)

Manakala perhubungan mendatar pula adalah perhubungan anak buah wilayah adat yang tidak mempunyai ikatan suku dan waris seperti didalam perhubungan menegak dan diognal yang telah dikemukakan. Perhubungan diantara satu suku dengan suku yang lain juga adalah termasuk didalam perhubungan jenis ini.

(29) Kedudukan 'suku dan waris' telah pun dijelaskan dihalaman. 29...

Jika dipandang dari sudut 'Pentadbiran Adat,' kedudukan suku ini dapat kita bahagikan kepada dua kategori utama;

Suku Nan Berganjak Tangga dan Suku Lembaga Nan Bersekat.⁽³⁰⁾

Suku yang termasuk kedalam kategori 'Suku Nan Berganjak Tangga', hanyalah Suku Semelenggang Tabuh sahaja. Anggota suku inilah yang berhak menyandang Pusaka Datuk Naning dan menduduki 'Pusaka Tiang Balai,' iaitu pembesar waris yang empat bergelar Sri Maharaja, Lela Maharaja, Menteri Penghulu dan Shahbandar.⁽³¹⁾ Fungsi utama keempat Datuk ini adalah memandu dan menasihati Datok Naning didalam bidang pentadbiran adat. Selalunya mereka ini dilantik dari keluarga yang paling rapat sekali dengan Datok Naning. Datok-Datok ini ialah, "the pillers of the Dato' Balai are his closest and must intimate advisors and include the fan officials from his own clan."⁽³²⁾

Suku Nan Berganjak Tangga ini tidak mempunyai ibu-bapa dan lembaga. Datok yang empatlah mengambil alih tugas-tugas bapa dan lembaga didalam pentadbiran suku ini.

Selain dari suku Semelenggang Tabuh, lain-lain suku yang ada diwilayah Adat adalah termasuk didalam kategori 'Suku Lembaga Nan Bersekat. Suku-suku inilah yang menganggotai Isi Balai atau Lembaga Undang Naning, Penghulu Adat Mukim, Lembaga Tua dan Buapak. Lembaga Undang Naning inilah selalunya mewakili Datok Naning didalam Istiadat yang dijalankan

(30) Temuramah dengan Y.A.M.Datok Naning, Mohd Shah, Op.cit.

(31) Lihat T.J.Newbold, British Settlement in the Strait of Malacca, Op. cit p. 239. Juga M.B.Hooker, p. 95. Keterangan yang serupa juga diberikan oleh Y.A.M. Datok Naning, Mohd Shah, didalam temuramah di-balai Undang Naning pada 26. 4. 1973.

(32) M.B.Hooker, Op.cit p. 97.

dimukim masing-masing yang tidak dapat dihadiri sendiri oleh Datok Naning. "Buapak adalah bertanggung jawab terhadap segala perkara yang berlaku didalam suku pada keseluruhannya". (33)

Penghulu pula bertanggung jawab didalam hal pentadbiran secara keseluruhan disatu-satu mukim. Mereka bertanggung jawab terus kepada Datok Naning. Jawatan penghulu ini dipegang secara bergilir-gilir oleh setiap suku yang ada didalam satu-satu wilayah. Mengikut kata Ramsay,

.....On the death, retirement or dismissal of any Penghulu the Lembaga determine which clan is to provide the next Penghulu. The office goes by rotation, so far example, if the previous three Penghulu had been Tiga Batu, Semelenggang and Anak Melaka, than necessarily the rotation fall to Suku Mungkar. (34)

Jika seseorang penghulu itu dilantik dari suku Mungkar misalnya, maka mata-mata penghulu pula hendaklah dilantik dari suku lain pula. Harvey mencatatkan bahawa, "Penghulu and his mata-mata cannot be of the same suku, These officers are chosen from each suku in turn". (35)

Jadi nyatalah bahwa unsur-unsur demokrasi telah diamalkan sepenuhnya didalam struktur hidup masyarakat perpatih. Didalam hal pentadbiran masjid dan surau juga semua suku mendapat hak dan tempatnya masing-masing. Harvey mengatakan,

(33) Abd. Rahman b. Hj. Mohammad, Op.cit h. 31

(34) Ramsay A.B., Op.cit p. 99.

(35) Suratan Harvey, Notes on Naning Customs, MSS. SP 16. 2. 17, 5 July, 1892. p. 5.

"....Mosque appointment is filled by members of a certain suku. This the Khatib must belong to the Semelenggang Suku. The Imam to Anak Melaka, Bilal to Tiga Batu". (36)

Dengan bukti-bukti yang diberikan diatas, dan adanya 'Istiadat Berkampong' didalam membuat satu-satu keputusan atau mengambil satu-satu pendirian, memperlihatkan dengan jelas perjalanan struktur demokrasi didalam pentadbiran. Demokrasi ini bukannya terhad kepada ketua-ketua suku sahaja, malah setiap anak buah adalah bebas menyuarakan pendapat masing-masing, selagi mereka tidak melampaui batasan adat yang ditetapkan. Mereka sendiri adalah mempunyai kuasa muktamad di dalam menentukan siapakah pemimpin yang mereka sukai. Didalam hal ini adat ada membilang:

"Bulat anak buah menjadi Buapak,
Bulat Buapak menjadi Lembaga,
Bulat Lembaga menjadi Undang." (37)

Kata-kata ini bermakna bahwa anak buahlah yang berhak melantik Buapak yang akan mengepalai perut mereka. Manakala persetujuan diantara Buapak-Buapak pula dapat melantik seorang Lembaga (Tua) untuk mewakili suku tersebut. Bagi jawatan Undang (Datok Naning), walaupun ia dihasikan untuk Suku Semelenggang Tabuh sahaja, tetapi persetujuan dan sokongan dari lembaga adalah penting sekali bagi menjamin keutuhan dan kekuasaan seseorang Undang. Satu hakikat yang tidak terdapat didalam struktur pentadbiran burukrasi British, tetapi berjalan didalam struktur pentadbiran

(36) Ibid. Keterangan yang sama juga telah diberikan oleh Hj. Maasin, Kampong Paya, Masjid Tanah Melaka, pada : 30hb. April, 1973.

(37) Kata-kata Datok Naning, di Balai Undang Naning, pada 26. 4. 1973.

Adat Perpatih Nanning ialah hak anak buah untuk memecat Buapak yang mereka tidak sukai. Ini dapat dilakukan didalam 'Majlis Berkampong' dan dipersetujui ramai. Buapak pula didalam 'Majlis Berkampong' berhak untuk memecat Penghulu Mukim atau Lembaga yang telah mereka lantek, jika perkhidmatannya itu difikirkan tidak sesuai dengan kehendak anak buah atau lain-lain sebab yang manasabah. (38)

Dengan keadaan inilah 'Adat Berkampong' dianggap begitu penting sekali didalam wilayah Adat Perpatih. Sesuatu masalaah atau hal yang timbul mestilah diselesaikan secara 'Berkampong'. Adat menetapkan sedemikian rupa, kerana hendak menjamin supaya segala keputusan itu dapat diambil secara memuaskan hati semua pihak dan dipertimbangkan sepihak-masaknya secara beramai-ramai. Tindakan ini penting kerana seperti yang telah ditegaskan diawal-awal lagi segala keputusan diambil adalah menjadi tanggung jawab bersama semua anggota suku dan ianya juga melibatkan nama baik suku itu sendiri. Didalam hidup secara bersuku ini adat ada membilang:

" Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
Adat berkampong, kampong dipertahankan,
Adat Bersuku, suku dipertahankan,
Adat bernegeri, negeri dipertahankan,
Adat berbangsa, bangsa dipertahankan,
Sandar menyandar,
Seperti Aur dengan tebing," (39)

(38) Abd. Rahman b. Hj Mohamad, Op.cit hls. 51.

(39) Kata-kata Hj. Maasin, Kampong Paya, Masjid Tanah, Melaka pada 30hb. April, 1973. Secara umum kata-kata adat ini bermakna bahwa hidup didalam bersuku saling bergantung antara satu sama lain. dan menjadi tugas setiap anak buah untuk mempertahankan hak dan keputusan adat yang telah ditetapkan.

Perbilangan diatas jelas memperlihatkan keutuhan dan perpaduan hidup secara bersuku. Hidup bantu membantu dan marwah suku haruslah dipertahankan bersama. Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna bahwa hidup bersuku itu penuh sentimen kesukuan. Situasi ini jelas sekali kerana didalam perbilangan lain adat ada membilang:

" Cupak yang pepat,
Gantang yang piawai,
Bungkal yang betul,
Teraju yang baik,
Tiada boleh dialih lagi." (40)

Kata-kata ini bermakna bahwa hidup bersuku, walaupun mesti mempertahankan suku, tetapi segala pertimbangan yang dibuat haruslah adil dan saksama. Adat sekali-kali tidak mengizinkan sesaorang itu menggunakan pertimbangan yang berat sebelah didalam membela atau mendatangkan kebaikan kepada suku. Segala hukuman atau pertimbangan mesti adil dan unsur-unsur pilih kasih mestilah diketepikan sama sekali.

Di dalam keadaan inilah maka kejujuran seseorang pemimpin amat dipentingkan didalam struktur pentadbiran adat. Hanya seorang pemimpin yang jujur haruslah memahami benar struktur hidup bermasyarakat adat, disini mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan didalam mengimplementasikan peraturan hidup adat yang suci dan agak rumit itu. Menentukan ciri-ciri pemimpin yang dikehendaki, adat ada membilang:

"Ayer yang jernih,
Sempurung yang ceper,
Seperti pohon ditengah padang,
Uratnya tempat bersela,

Batangnya tempat bersandar,
 Dahannya tempat bergantung,
 Buahnya untuk dimakan,
 Daunnya untuk berlindung,"(41)

Seorang pemimpin adat dengan lain perkataan mestilah mempunyai ciri-ciri yang mulia dan dihormati. Seorang yang pemurah dan bersedia membantu anak buah yang berada didalam kesusahan. Dengan lain perkataan, pemimpin adat menjadi tempat tumpuan anggota penganut adat meminta bantuan didalam menghadapi pergolakan hidup mereka sehari-hari.

Didalam Wilayah Adat Naning, puncak pentadbiran adat ialah Datok Naning, yang bergelar Datok Seri Maharaja Merah. Didalam hal pentadbiran, ia dibantu oleh Tiang Balai dan Isi Balai Naning diperingkat pusat dan dibantu oleh Lembaga dan Buapak, diperengkat kampung dan mukim. Segala hal asal pentadbiran adat adalah dikeluarkan oleh Datok Naning melalui Tiang Balai dan Isi Balai yang berfungsi sebagai "Lembaga Undang Naning".(42) Diperingkat kampung, ia dilaksanakan oleh Lembaga dan Buapak. Didalam hal ini, adat membilang, "Dititik oleh Undang, ditampung oleh Buapak".(43) Undang didalam mengeluarkan sebarang fatwa mengenai adat, adalah dinasihati oleh 'Lembaga Undang Naning,'

Sungguhpun demikian, di dalam mengimplementasikan hukum-hukum adat, Datok Naning (Undang) adalah tidak terikat dengan sebarang peraturan selagi ianya tidak bertelagah dengan hukum-hukum adat. Ini dikatakan,

(41) Kata-kata Hj. Mat. b. Husin, Batu 19, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka, pada 25b, May, 1973. Lihat juga Abd.Rahman Hj. Mohammad, Op.cit M.S. 57.

(42) Dihat h.35.

(43) Kata-kata Datok Naning, Mohd.Shah, diBalai Undang Naning pada 1. 5. 73.

"Melenggang tak tersangkut, Melunjak tak tersundak".⁽⁴⁴⁾

Selain dari Datok Naning, institusi yang berhak membuat keputusan dan mengeluarkan fatwa mengenai adat Naning ialah 'Lembaga Undang Naning'. walau bagaimanapun kekuasaan muktamad adalah terletak kepada Datok Naning yang merupakan puncak kepada struktur pentadbiran adat diwilayah adat Naning. Dari huraian ini nyatalah bahwa Datok Naning dan 'Lembaga Undang' Naning adalah saling pengaruh mempengaruhi didalam membuat sebarang keputusan mengenai adat. Satu perkara yang perlu diberi perkataan disini ialah bahwa didalam menyusun dan memutuskan soal-soal adat ini memerlukan penelitian dan pemahaman yang mendalam agar kekeliruan dan putar belit tidak berlaku. Kata-kata adat selalunya mempunyai pengertian yang mendalam dan hanya mereka-mereka yang benar-benar terletak didalam adat sahaja yang akan dapat memahaminya dengan tepat.

Pentafsiran hukum-hukum adat yang tepat adalah penting untuk menjamin pelancaran perjalanan hidup masyarakat. Kesalahan mentafsir mungkin membawa keadaan yang kurang senang didalam perjalanan struktur adat itu sendiri. Didalam hal ini adat ada mengingatkan ketua-ketua adat didalam perbilangannya, "Kurang periksa badan lelah, Kurang siasat, negeri alah".⁽⁴⁵⁾ Kata-kata ini seolah-olah mengingatkan ketua adat betapa

(44) Ibid. Kata-kata ini berarti bahwa Datok Naning tidak terbatas kepada batasan suku dan mukim didalam melaksanakan tugasnya, seperti Buapak dan Penghulu Adat - terhad kepada anak buah masing-masing. Datok Naning adalah bebas bergerak diseluruh wilayah adat dan kuasanya adalah melampaui kuasa Buapak, Lembaga dan Penghulu Adat.

(45) Kata-kata Jaalam b.Hj.Idris, Kampong Pegoh Dalam, Alor Gajah, Melaka. Pada 28hb. April, 1973.

pentingnya penelitian didalam menjalankan hukum-hukum adat. Putar belit dan penyalah tafsiran hukum adat mungkin akan merosakkan perjalanan sistem pentadbiran adat itu sendiri.

Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna bahwa struktur pentadbiran adat itu kaku dan mati, kerana apa yang dipentingkan oleh adat ialah perlaksanaan dasar yang betul dan saksama. Struktur adat boleh diubah dan disesuaikan dengan perkembangan struktur kemasyarakatan dari masa-kemasa. Namun begitu sebarang perubahan yang hendak dibuat tidaklah boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya sahaja. Sebarang perubahan yang hendak dibuat mestilah mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh adat, iaitu melalui 'Majlis Berkampong' seperti kata adat, "Habis adat kerana kerelaan, hilang adat kerana muafakat".⁽⁴⁵⁾

Jadi adat tidak menghalang perubahan bab dan fasal didalam strukturnya jika ia dibuat secara yang teratur. Walau bagaimanapun perubahan itu mestilah berasaskan suara teramai, "Bulat ayer kerana pem-
betung, bulat kata kerana muafakat."⁽⁴⁶⁾

Dari apa yang digalorkan diatas, nyatalah bahwa struktur pentadbiran adat amat memandang penting kesejahteraan hidup masyarakat. Kerapian susunan pentadbiran dan had kuasa yang ditentukan kepada ketua-ketua adat jelas memperlihatkan hal ini. Ketua-ketua adat juga telah di-
jelaskan tentang ciri-ciri yang harus ada kepada mereka dan cara-cara melaksanakan undang-undang adat agar ianya tidak menyusahkan hidup anak buah.

(46) Kata-kata Datok Naning Mohd Shah, Op.cit pada 26. 4. 1973.

Didalam soal nikah kahwin dan semenda menyemenda juga, struktur sosial adat telah meletakkan beberapa ciri dan peraturan yang mesti dipatuhi. Perkahwinan hanya boleh dilakukan hanya jika,

"Adat tidak melentang,
Hukum tidak mengambat,
Boleh semenda menyemenda,
Bila semenda dimana suku,
Sah kata adat,
Ayer disauk, ranting dipatahkan". (47)

Perbincangan ini menunjukkan bahwa nikah kahwin dan semenda menyemenda hanya dapat berlangsung jika diantara dua jejak itu tidak mempunyai halangan dari segi hukum-hukum adat dan Shara'. Didalam adat beberapa bentuk perkahwinan adalah tidak dibenarkan (teruskan). Perkahwinan diantara teruna dan dara yang beradadidalam satu suku. Menyemenda dan berkahwin dengan dua orang perempuan didalam satu suku. Berkahwin dengan perempuan dari suku bekas isteri yang diceraikan dan lain-lain keadaan yang dihalang oleh Shara' untuk melakukannya. (48)

Adat menentang bentuk perkahwinan diatas adalah kerana kedudukan struktur sosial Perpatih itu sendiri. Hidup secara bersuku, sebenarnya merupakan satu ikatan keluarga besar yang padu dan rapat.

Semua anggota didalam satu suku adalah kenal mengenali seperti saudara kandung sendiri. Kehormatan wanita didalam suku juga adalah menjadi tanggung jawab semua lelaki suku itu. Adat berpendapat bahwa kejujuran

(47) Caldecott.A. "Jejalu Customary Sayings and Songs, JSBRAS No: 78, Singapore, 1918, M6. 36.

(48) Josselin De Jong, P.E., Op.cit p.p. 127 - 130. Keterangan yang sama dari Y.A.M. Datuk Naning, Balai Undang Naning, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka pada: 9hb. June, 1973.

seseorang lelaki untuk mempertahankan wanita suku akan terjamin jika perkahwinan didalam suku dihalang. Perhubungan diantara teruna dan dara didalam suku akan tidak melampaui batas-batas kesopanan kerana mereka sedar yang mereka tidak mungkin dapat berkahwin dengan mudah.

Perkahwinan diantara anggota sesuku dianggap sesuatu perbuatan yang keji dan memalukan. Demi untuk mengelakkan diri dari dipencilkan oleh masyarakat, maka setiap anak buah akan cuba mengelakkan dari berlaku perkahwinan yang sedemikian rupa. Penentangan terhadap bentuk perkahwinan dua dan tiga adalah lanjutan dari faktor-faktor yang serupa. Dua orang perempuan didalam satu suku adalah dianggap dua bersaudara yang rapat. Dengan ini adalah tidak manis berkahwin dengan dua perempuan tersebut didalam satu masa atau pun berkahwin dengan saudara sesuku setelah menceraikan isterinya. Adat memandang perkahwinan ini sebagai, "Enau dua satu sigai". Perbuatan ini dianggap memalukan suku isteri secara keseluruhannya dan adat menentanginya habis-habisan. (49)

Tegahan bentuk yang keempat, tidaklah merumitkan kita memahaminya kerana didalam kata-kata adat sendiri ada membilang,

"Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitabullah
Kuat adat tak gaduh hukum
Kuat hukum tak gaduh adat
Ibu hukum muafakat
Ibu adat muafakat." (50)

(49) Ibid.

(50) Caldecott, A., (Op.cit) Mhs. 26 - 27.

Didalam soal perkahwinan ini juga soal kedudukan penye-
 larasan hukum adat dan hukum Shara' dititik beratkan. Walau bagaim-
 manapun jika didalam sesuatu perkara itu, terdapat pertelagahan di-
 antara Adat dan Shara', maka adat biasanya memberitolak-ansurnya.
 Menyentuh soal perkahwinan bentuk satu, dua dan tiga yang mana di-
 tentang oleh adat, tetapi Shara' membolehkannya, maka adat mengan-
 jurkan penyelesaiannya dengan mengadakan 'Denda Adat'. Hukum adat
 membolehkan perkahwinan satu dua dan tiga jika sudah tidak dapat di-
 elakkan lagi, dengan syarat teruna dan dara yang terlibat (atau waris-
 nya) sanggup membayar 'Denda Adat'. Denda Adat yang dimaksudkan disini
 ialah dengan menyembelih kerbau (sekarang kambing) dan mengumpul semua
 anggota suku menghadiri majlis tersebut. Kedatangan anggota suku secara
 beramai-ramai menandakan bahwa anggota suku telah mengampuni kesalahan
 keluarga tersebut yang telah melanggar kebiasaan adat. Dengan istiadat
 ini mereka akan diterima balik oleh suku tersebut. (51)

Sebagaimana yang disentuh serba sedikit didalam perbincangan
 yang lalu, bahwa selain dari berlakunya nikah kahwin, didalam jangka
 masa yang sama akan berlangsung juga Istiadat Semenda Menyemenda (52)
 diantara anggota kedua keluarga dari suku yang berlainan itu. Selepas
 dari istiadat ini, sisuami akan berpindah dan terus menetap didalam suku
 isterinya, selagi ia bersama-sama isteri tersebut. Struktur Sosial Adat

(51) Keterangan Y.A.M. Datuk Naning, pada 9. 6. 1973.

(52) Lihat Bab II, h. 62...

menetapkan bahwa adalah menjadi tanggung jawab bagi suku isteri (tempat semenda) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk orang semenda tadi memulakan penghidupan baru bersama-sama isterinya.

" Boleh berjejak boleh mengalar,
Menyambung menyebar,
Bumbung panjang bersebar melebar", (53)

Kerapkalinya, keluarga tempat semenda akan membina sebuah rumah untuk hidup orang semenda suami isteri. Mereka juga akan diberi sedikit sawah dan kampong halaman untuk diusahakannya. Menyentuh tentang kedudukan seorang 'orang semenda' didalam suku isterinya. E.N.Taylor berpendapat,

"...a man definitely into his wife's tribe and becomes subject to her tribal chief in all matters affecting and her family". (54)

Walaupun secara teorinya demikian, tetapi didalam praktiknya tidak berjalan. Ketua-ketua suku selalunya tidak campurtangan didalam hal rumah tangga anak buahnya, kecuali jika timbul keadaan-keadaan yang meruncing dan tidak dapat diselesaikan oleh keluarga anak buah itu sendiri, barulah ketua adat akan campurtangan.

Orang-orang semenda didalam suku isterinya mempunyai tugas dan fungsinya masing-masing.

"Jika terima orang semenda,
Jika kuat dijadikan pahlawan,
Jika bodoh disuruh asah,
Menyempit nan jauh, menyamping nan dekat,
Jika cerdik diajak berbincang

(53) Kata-kata Datuk Naning. Hal ini dibincangkan lebih mendalam didalam Bab IV - Adat dan Struktur Ekonomi.

(54) E.N.Taylor. The Customary Law of Rembau, JMBRAS 1929 (2)(1).

Jika maalim hendakkan doanya,
 Jikalau kaya hendakkan emas,
 Jika patah penghalau ayam,
 Jika buta penghembus lesong,
 Jika pekak, pantakan meriam". (55)

Jadi nyatalah bahwa orang semenda mempunyai fungsi dan persamaannya didalam suku isterinya masing-masing. Sungguhpun demikian ini tidaklah bermakna bahwa tempat semenda cuma menerima sahaja hidmat orang semenda tanpa pengorbanan atau balasan. Didalam kajian yang dibuat, didapati bahwa orang semenda juga berhak mendapat beberapa pandangan dari tempat semendanya. Selain dari kemudahan-kemudahan asas yang telah dikemukakan, orang semenda juga mesti dibantu di dalam menjalankan tugasnya oleh tempat semendanya baik didalam bentuk mental atau materialnya. Didalam hal ini adat ada membilang:

"Kusut menyelesaikan,
 Cicir memungut, hibang mencari,
 Utang membayar, peutang menerimanya
 Oleh tempat semendanya". (56)

Didalam kata-kata adat ini perkara yang jelas bahwa adalah menjadi kewajipan tempat semenda bagi membantu menyelesaikan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh orang semenda. Mereka juga bertanggung jawab menanggung keuntungan atau kerugian yang dialami hasil dari kegiatan orang semenda semasa berada didalam sukunya. Dari perbilangan-perbilangan yang dikemukakan diatas, nyatalah bahwa diantara orang semenda dan tempat semendanya saling bergantung bantu membantu diantara satu sama lain

(55) Ibid. 78, Lihat jug Caldecott, A., Op.cit p. 35

(56) Jaalam b. Hj. Idris. Op.cit.

Selain dari faktor-faktor yang telah dikemukakan diatas, Struktur Sosial Adat juga memandang berat didalam tugas ibu-bapa memelihara dan mendidik anak-anak mereka. Struktur Sosial Adat memandang bahwa apabila seseorang bayi itu lahir, ibu bapa mempunyai lima perkara hutang kepada anak-anaknya yaitu baik lelaki atau perempuan.

"Sepertama kerat pusat,
Kedua upah bidan,
Ketiga bedak langir,
Keempat akhir baligh,
Kelima nikah kahwin." (57)

Bidang-bidang pendidikan juga tidak diabaikan sama sekali. Setelah itu besar dan belum lagi tiba masanya untuk berkahwin, maka menjadi tanggung jawab ibu bapa memberi pelajaran kepada anak-anak mereka, ini diutarakan oleh adat dengan katanya,

"Bila mengada anak,
Yang kecil digedangkan,
Yang bingung dicerdikkan,
Ibarat ayam,
Pagi melepas, petang direban,
Yang jantan di serah mengaji,
Yang betina diserah menjahit,
.....
Kerana hutang mak bapak,
Adat yang benar, bekas semenda yang tahu". (58)

Jadi jelaslah bahwa adat memandang berat di dalam soal memelihara dan mendidikan anak-anak. Adat mewajibkan ibu-bapa selain dari

(57) J.C.Humprey, A Naning Wedding Speech, JSBRAS, May, 1916 reprinted 1965 p. 79.

(58) Ibid, p. 80. A. Caldecott, Op.cit p. 38.

membesarkan anak-anak untuk memberi pelajaran yang baik kepada anak-anak. (59)

Bila berbicara soal kedudukan kanak-kanak ini satu perkara yang tidak harus kita abaikan ialah tentang kedudukan anak-anak yatim, yang terdapat dimana-mana sahaja. Di dalam struktur sosial adat, kedudukan mereka ini adalah lebih terjamin, kerana adat telah menetapkan bahawa tugas memelihara anak-anak ini adalah terpulang kepada suku ibu mereka. Walaupun anak yatim itu mempunyai harta tinggalan keluarga mereka atau tidak, maka kedudukannya adalah terjamin. Mengikut Yang Amat Mulia Datok Naning Mohd. Shah, bahwa struktur sosial adat memandang mulia kepada anak-anak ini dan mereka pasti dipelihara dengan baik oleh suku yang berkenaan. Soal anak tersebut akan menderita kerana ditinggalkan oleh ayah atau ibunya tidak sekali-kali timbul di dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Dari sini dapatlah kita membuat penilaian secara terperinci mengenai baik dan buruknya hidup di dalam masyarakat yang mengamalkan struktur adat ini.

Satu perkara jelas, hidup di dalam masyarakat bersuku ini adalah bersatu padu, saling bertanggung jawab dan tolong menolong di antara satu sama lain.

"Ibarat labu menjalar ke hulu,
Ibarat kundur menjalar ke hilir,
Pangkalnya sama dipupuk,
Pucuknya sama digentis,
Buahnya sama ditarik". (60)

(59) Pendidikan formal dan tidak formal diuraikan secara mendalam di dalam Bab VI.

(60) M. Rasjid Manggis DT Panghoeloe, Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau, Al-Maktabah Al-Saadiah Padang Panjang, 1970, M.S.125.

Struktur sosial begini menjamin bahwa penganut-penganutnya tidak akan mengalami penderitaan yang pahit. Anggota suku yang lain sentiasa memberi pertolongan didalam menghadapi masaaalah-masaalah, "Orang-orang Minangkabau tidak pernah hidup sebatang kara walau dimana mereka pergi, kerana selalu akan berjumpa keluarga sekedim, sepersukuan atau belahan, yang mana berkewajipan menampung anggota sekaum, sepersukuan dan belahan itu". (61)

Dengan ini bermaknalah bahwa hidup bersuku, dapat mengelakkan dari tercetusnya perasaan curiga mencurigai antara satu sama lain didalam satu suku. Peraturan suku yang menetapkan bahwa kehormatan dan nama baik suku adalah menjadi tanggung jawab bersama, menjamin bahwa seseorang itu akan sentiasa waspada dan berhati-hati dengan tingkah lakunya sendiri. Sikap ini telah melahirkan suasana yang lebih tenteram didalam masyarakat.

Kedudukan kehormatan orang-orang perempuan juga adalah lebih terjamin. Mereka bukan sahaja dijaga oleh keluarga mereka sahaja, tetapi seluruh anggota keluarga suku adalah turut mengawasi gerak-geri dan keselamatan mereka. Struktur Adat yang menghalang perkahwinan didalam satu suku juga telah dapat menghalang hubungan yang diluar batasan diantara dara dan teruna didalam satu suku. Malah perhubungan diantara mereka lebih merupakan perhubungan diantara adik dan abang yang sentiasa dibendung oleh tatasusila dan peribadi yang baik.

(61) Drs. Mansoer (et.all), Sejarah Minangkabau, Bhrata, Djakarta, 1970, hls. 6.

Hidup bersuku, mempunyai struktur pentadbiran yang rapi, seperti "Orang semenda ketempat semenda, Anak buah kepada ibu-bapa, Buapak kepada Lembaga".⁽⁶²⁾ Ini menjamin kerjasama yang lebih diantara anak buah yang terdiri dari berbagai suku didalam sesebuah kampung. Adanya Buapak dan Lembaga yang mewakili perut dan suku masing-masing akan menjamin kerjasama yang lebih teratur. Segala rancangan untuk kebaikan kampung mudah diselaras dan diselenggarakan. Kerjasama yang rapat diantara suku-suku ini juga dapat menjamin bahwa tidak ada perkara-perkara yang tidak diingini akan tercetus didalam sesebuah kampung itu.

Melalui perkahwinan juga perpaduan dan kerjasama yang lebih erat lagi akan dapat dihasilkan. Didalam hal ini Mohd Isa Mahmud berkata,

.....Kalau seseorang berkahwin dengan lain, bukan dia berdua sahaja berikat kasih tetapi ibu-bapanya, ipar lamainya serta saudara-saudaranya semuanya berkarib belaka dan kalau perhubungan itu diantara satu kampung dengan lain kampung, ditambahkan muhibbah kedua kampung itu, begitulah juga bernegeri.⁽⁶³⁾

Dari kata-kata diatas nyatalah bahwa melalui perkahwinan dan semenda menyemenda, akhirnya melahirkan ikatan kekeluargaan diseluruh wilayah Naning. Ikatan yang bermula dari suami-isteri akan membawa kepada terikatnya dua keluarga, dua suku, dua kampung, dua mukim yang berakhir dengan tercapainya perpaduan dan ikatan yang kukuh untuk seluruh wilayah yang menganuti adat Perpatih.⁽⁶⁴⁾

(62) Jaalam Hj. Idris, Op.cit, pada 28. 4. 1973.

(63) Mohd. Isa b. Mahmud, Op.cit, h. 47

(64) Temuramah dengan Yang Amat Mulia Datok Naning Mohd. Shah, Op.cit.

Ini juga menunjukkan bahwa hidup didalam struktur sosial adat mempunyai beberapa kebaikan yang tersendiri. Sungguhpun demikian, terdapat juga beberapa keburukan dan kelemahannya. Kelemahan yang jelas ialah bahwa perpaduan anak buah yang dicapai adalah berasaskan kekeluargaan, kaum dan suku. Selepas ini baru diperluaskan keperingkat kampung dan negeri akhirnya. Hal ini adalah kurang menggalakkan kerana ia melahirkan faham perkampungan dan kedaerahan yang kuat. Bila menghadapi soal-soal perpaduan kebangsaan, unsur-unsur perpaduan ini kurang diminati dan tidak mendapat sambutan dari penduduk wilayah berkenaan.

Struktur sosial adat yang menghalang berlakunya perkahwinan didalam satu suku juga memperlihatkan beberapa kelemahan didalam struktur itu sendiri. Terjadi perkahwinan yang ditegah oleh struktur sosial adat ini, telah melahirkan ketegangan perhubungan kekeluargaan didalam suku itu sendiri. Tegahan ini seolah-olah memasukkan ciri-ciri kelemahan didalam struktur adat yang baik dan padu dibahagian-bahagian lainnya.

Keseluruhannya boleh dikatakan bahwa struktur sosial adat adalah padu dan rapi. Ikatan dan peraturan yang ada sengaja diatur bagi menjamin lahirnya masyarakat yang bersatu padu, hidup tolong menolong, saling bantu membantu sesama anggota suku tersebut.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN.SUMBER AWALAN:Surat Persendirian.

- Mohd Jaafar , Lapuran Tentang Menyelidik Adat Nanaing, dlm. Suratan Harvey, Malaya MSS.SP.16/2/8, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Mohd Lasim b. Mohd Taib, Adat Berpuar And Planting Padi Ceremoney, dlm. Suratan Harvey, MSS. SP.16/2/18/, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur,
- Penghulu Mohad Sallieh (Datuk), Adat Naning: Darihal Pembahagian Harta Pusaka, dlm.Suratan Harvey, MSS.SP.16/2, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Penghulu Mohd.Shah, (Datuk), Berkadim Dengan Istiadatnya, Fail, No:7 dlm.BDN No: 19/62. Ref.0056/12 Pejabat Daerah Alor Gajah, Melaka.
- Pejabat Daerah Alor Gajah,, Land Tenure And Adat Perpatih, dlm.Fail No: 19/62, Ref.0056/12, Pejabat Daerah Alor Gajah, Melaka.
- Pejabat Daerah Polis Alor Gajah, Kertas Lapuran Balai Polis Alor Gajah dan Kawasan Jagaannya, Balai Polis Alor Gajah Melaka.
- Sheikh Ismail b. Abdul Mutalib, Faith Al-Qur'an, dlm. Suratan Harvey Malayan MSS, SP.16/5/1, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Suratan Harvey, Adat Yang Dilakukan Keatas Orang Mati Sebelah Naning. MSS. SP.16/2/10, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- _____, Notes On Naning Customs, MSS.SP. 16/2/7, Shb. Julai, 1892, Arkib Negara Malaysia.
- _____, Geology of Raja Muka-muka Inderapura From Oral, MSS. SP 16/4/1. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

_____,
Rengkasannya Kitab Mujamiul Al-Kain, MSS. SP.
16/5/2., Arkib Negara Malaysia, Kuala
Lumpur.

Tengku Antah Yam Tuan Seri . . . Aturan Hukum Bunuh, dlm. Suratan Harvey,
Menanti, MSS.SP. 16/2/14. Arkib Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.

Laporan Rasmi

Malacca, Annual Report for the Year 1883-1886,
Singapore, 1883-1886.
Population Census Report No:5, State of
Malacca, Kuala Lumpur 1957.

Straits Settlement, Blue Book 1889, Singapore, 1889.
Administration Report for the year 1863-
1899, 1899-1904, Singapore, 1863-1899,
1899-1904.
Annual Report for 1899-1905, Singapore,
1899-1905
Annual Report On Education for the year
1919-1923, Singapore, 1919-1923.

Character of Justice Establishing Court
of Justice in Penang, Malacca and Singa-
pore Granted in 1807, Singapore 1855

Akhbar

Suara Benar, Melaka 1932-1933
Singapore Free Press, Nov. 1884, Singapore 1884.
Malacca Weekly Chronicle, Oktober, 1888, Singapore 1888.

SUMBER PENDUA

Abdullah b. Abd. Kadir Mumshi, The Hikayat Abdullah. A.H.Hill, JMBRAS,
1955, Vol.28,Pt III, Kuala Lumpur, 1970.

Abdul Rahman b. Hj.Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Kuala Lumpur,
1964.

Abu Chik b. Mat.Sarom, Asal Usul Adat Perpatih Negeri Sembilan,
Kuala Pilah, 1962.

- Bladgen, C.O., "Minangkabau Custom - Malacca", JUMBRAS; Vol.8 Pt II, 1930, Singapore, 1930.
- Brown, B.J., "Justice and the Adat Perpatih Law or Save", dlm. K.G.Tregoning (ed), Papers on Malayan History, Singapore, 1962.
- Bronishaw Malinowski, A Scientific Theory of Culture Essay, New York, 1969.
- Caldecott, A., "Jelebu Its History and Constitution", dlm. R.J.Wilkinson, Papers on Malay Subject, Kuala Lumpur, 1971.
- Chelliah, D.D., A Short History of Educational Policy of the Strait Settlement, Kuala Lumpur, 1971.
- Drabble, J.H., Rubber in Malaya 1878 - 1922, Kuala Lumpur 1973.
- Drabble, J.H., Investment in the Rubber Industry in Malaya c.1900-1922, JSEAS, Vol. III, No:2, September, 1972, Singapura, 1972.
- Eulnice Thio, British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910, Vol.I, Kuala Lumpur, 1961.
- Gullick, J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu, Kuala Lumpur, 1970.
- Hooker, M.B., Adat Laws in Modern Malaya, Kuala Lumpur, 1972.
- Humphrey, J.L., A Nang Wedding Speech, in JSBRAS, May, 1916, Singapore, 1916.
- James C. Jackson, Planters and Speculators Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, Singapore, 1968.
- Josseling De Jong, P.E.De, Minangkabau and Negeri Sembilan, Djakarta 1960.
- Lewis, Diane K., Inas: A Study of local History, JMBRAS, Vol. 33. pt I, Kuala Lumpur, 1960
- Mohd. Isa b. Mahmud, Adat Bersuku Cara Perpatih, Atau Faedah dan Pengertian Adat Bersuku, Negeri Sembilan 1936.

- Md. Mansoer, (et.all) Drs., Sedjarah Minangkabau, Djakarta, 1970.
- M. Rasjid Manggis Dt. Radjo Pengholoe, Negeri Sembilan Hubungan dengan Minangkabau, Padang Panjang, 1970
- Mills, L.A., British Malaya 1824-67, Kuala Lumpur, 1969.
- Nathan, J.E., and R.O. Winstedt, Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi, in R.J. Wilkinson, Papers On Malay Subjects, Kuala Lumpur, 1971.
- Newbold, T.J., British Settlement in the Strait of Malacca, Vol II, Kuala Lumpur, 1971.
- Newbold, T.J., Political Statistical Account in the Straits of Malacca, 1806-50, Jil II, London, 1971.
- Perpateh Nan Sebatang, (Datuk), Penyembahan dan Pidato Minangkabau, 2ed., For Der Capillan (undated).
- Purr, C.W.C., And W.H. Mackray, "Rembau: Its History, Constitution and Custom", in JSBRAS, Singapore, 1910.
- Raymond Firth, Element of Social Organisation, London, 1971.
- Ridley, H.N., Gambier, in Agriculture Bulletin of the Malay Penusular, No: 2, February, 1892, Singapore, 1892
- Ridley, H.N., Agriculture Bulletin Straits and Federated Malay States, Vol. I, Singapore, 1902.
- Shahba, Pusaka Naning, Kuala Pilah, 1951
- Turnbell, C.M., The Strait Settlement 1826-67, London, 1972.
- William J. Goode, Word Revolution and Family Pattern, New York, 1963.
- William Summer Gibson, E.M.G., The Law of Federated Malay States and Each of them, Revised Edition, London, 1935.

Wilkinson, R.J.,

Notes On Negeri Sembilan, in R.J.
Wilkinson, Papers On Malay Subject
Kuala Lumpur, 1971.

Winstedt, R.O.,

Negeri Sembilan: The History, policy
and Belief of the Nine State, (xerox
copy), University Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN I

ADAT NANING

Darihal Perbahagian Harta Pusaka Cari Bahagi, Pendapatan Tinggal Dibawa Kembali

dari

Suratan Harvey, July 1892, MSS.SP. 16/2/8.
Di dalam Tulisan Jawi.

Apabila bersemenda seorang kepada seorang perempuan. Jikalau bercerai hidup atau bercerai mati maka dikira-kirakan hartanya kedua pihak itu ditentukan yang mana harta pembawakan silaki-laki pada mulanya dan yang mana harta siperempuan pendapatan silaki itu dan yang mana harta pencarian selama didalam pertemuan itu.

Maka harta pembawa itu pulang kembali kepada waris si laki-laki itu, dan yang dinamakan harta pembawa itu yaitu apa-apa harta yang dibawanya daripada rumah emak bapa atau saudara-saudaranya kemudian daripada berkahwin itu yang ada berketerangan diketahui oleh ibubapa atau ketua di dalam sukunya.

Maka harta pendapatan itu, yaitu harta siperempuan yang dahulu daripada berkahwin itu maka pulangnya kepada siperempuan juga atau warisnya.

Maka harta carian itu dibahagi dua antara laki atau warisnya yang perempuan dengan isteri atau anaknya yang perempuan atau warisnya yang perempuan.

Maka harta carian pihak bahagian silaki itu apabila habislah dibelanjakan atas simati oleh isterinya sebagaimana yang adat yang biasa (seperti kerbau seekor dan beras lima puluh gantang) maka tiadalah harus waris silaki itu menuntut perbahagian seorang itu lagi.

Tetapi jikalau ada baki harta seorang itu haruslah dipulangkan kepada warisnya silaki itu. Adapun yang dikatakan warisnya di sini, ialah pihak perempuan sahaja. Umpamanya harta pencarian yang bahagian isterinya itu jatuh miliknya kepadanya atau anaknya yang perempuan sahaja dan harta pembawa itu dikembalikan kepada warisnya yang perempuan seperti

saudara atau lainnya seperti di dalam kata pepatah disambung darah
(I) Waris bersakadim (II) Harta bertuan (III) Hak raja mengelola.

I. Waris bersekadim (seperti saudara sejalan jadi yakni sama perut) umpamanya apakala mati seorang laki-laki yang mengesahkan harta banyak daripada pusaka atau carian sendirinya atau pun suarang maka pulanglah harta itu kepada warisnya yang perempuan mengikut peraturan yang terlebih hampir. Seperti emaknya kemudian saudaranya yang perempuan yang sama seibu kemudian neneknya (ibu emaknya) kemudian emak saudara (yang seibu dengan emaknya) kemudian sepupunya yang perempuan yang sama senenek hingga penghabisan apabila tidak lagi ada perempuan yang sama senenek dengannya, maka baharulah berpindah kepada nenek perempuan hingga penghabisannya dicari yang aturan persaudaraan itu siapa yang terlebih dekat asalkan jangan menyimpan pada pihak laki-laki. Maka demikianlah juga harta peninggalan mati seorang perempuan itu pulanglah kepada anaknya yang perempuan sahaja kemudian kepada emaknya maka lalu-lah mengikut seperti peraturan yang tersebut diatas itu.

II. Harta bertuan (ertinya harta pusaka itu miliklah pihak perempuan tetapi saudara yang lelaki itu menjaga dan memeliharanya). Umpamanya saudara laki-laki yang di dalam sebuah perut itu dinamakan akan dia itu 'tuan harta' dan berkuasa menjaga bicara di dalam sesuatu perkara atau perselisihan di dalam harta itu tetapi tidak boleh memiliki.

Maka jikalau diberi saudara laki-laki di dalam perut itu bolehlah sepupu laki-laki pihak perempuan juga menolong menjaga diatas harta itu.

III. Hak mengelola (ertinya itu seorang yang dituakan di dalam sesuatu suku yaitu seperti Lembaga di dalam persukuan itu dialah menjadikan hak nan mengelola kerana jika apa-apa perbuatan atau perkara selisihan di dalam persukuan itu melainkan barang apa perkataannya itulah yang akan dipakai dan diturut oleh sekalian ibubapa di dalam persukuan itu.

Tamat adanya

Darihal Cagak (Gadai Yang Tiada Berbunga)

Adapun cagak itu dua jenis (I) Cagak meguna (II) Cagak menanti bayaran. Cagak meguna itu pun dua jenis. Pertama cagak janji mati atau apabila datang seseorang membawakan harta banyak emas perak atau tanah (dengan ikrar) hendak meminjam wang maka diletakkan harta itu kedalam kuasa orang yang punya wang itu dengan janji seberapa lama akan ditebus kembali. Maka apabila sampailah perjanjian itu tiada ditebusnya, lalulah harta itu menjadi milik orang yang memegang itu.

Kedua cagak hidup namanya, ertinya itu apabila seseorang meminjam wang kepada seseorang dengan mencagakkan hartanya itu yang tiada dengan perjanjian lamanya itu melainkan barang bila-bila masanya pun

bolehlah ditebusnya kembali banyak oleh sendiri atau oleh warisnya tetapi selama harta itu di dalam pegangan orang yang memegangnya itu bolehlah dipakai dan mengambil faedah diatas itu. Serta membelanjakan di dalam barang yang patut di atas itu.

Maka di dalam perkara itu mahulah dengan berketerangan tatkala mula membuat perkara itu, yaitu diketahui oleh sekalian tua-tua di dalam persukuan.

2) Cagak menanti bayaran ertinya itu jikalau seorang telah dikenakan hukum denda diatas sesuatu kesalahannya maka sementara belum dibayarkan dengan wang tunai maka ditaruhkannyalah dahulu akan cagak hartanya banyak emas atau perak atau lain-lainnya di tangan hakim dengan perjanjian sekian hari akan di bawakan wang tunai. Maka apakala sampai perjanjian itu tiada juga dibawakan wang itu maka lalulah (hilang) harta yang dicagakan itu tetapi hutangnya sebanyak itu juga adanya.

Disahkan oleh
Penghulu Mohd.Salleh.
10. 7. 92.

LAMPIRAN II.

ATURAN HUKUM BUNUH

dikatakan oleh

Tengku Antah Yamtuan Serimenanti
Suratan Harvey, MSS. SP.16/2/14.

Cincang Pampas (ertinya orang yang melukai seseorang itu mahulah memberi seekor kerbau dan disembelih dan dimakan beramai-ramai dan kain 20 hasta akan pelilit yang luka itu) berdamailah.

Bunuh beri balas (ertinya sipembunuh membayar denda atau menyerahkan dirinya kepada waris yang terbunuh itu dan masuklah ia ke suku itu.

"Ini fasal hukum denda atas sipembunuh".

- 1) Jika Raja menghukum 66 kupang setahil 'Japita' (dibilangan ringgit menjadi \$28), yaitu di atas seorang yang membunuh orang dalam kampung Raja.
- 2) Jika penghulu menghukum sebahara (\$14).
- 3) Jika lembaga menghukum 20 serpi (\$ 7).

Jikalau sekiranya tidak mendapat kenyataan am siapa yang membunuh itu tetapi ada cedera hati pada seseorang maka Raja boleh meletakkan hukuman 66 kupang itu (28) pada tiap sebuah rumah yang berkeliling dekat orang yang terbunuh itu. Supaya jika mereka takut membayar denda itu, tentulah dikeluarkannya rahsia itu, dan jika tiada dikhabarkan rahsia itu, wajiblah ia membayar denda itu. Tetapi adatnya jikalau orang-orang yang akan kena denda itu pergi mendapatkan penghulu, maka bolehlah penghulu membayarkan denda itu separuh sahaja.

Demikianlah juga kalau salah kepada penghulu, boleh pula lembaga membayarkan denda itu separuh dan salah kepada lembaga, ketua suku boleh membayar separuh.

Adat dan hukum yang diamalkan pada zaman
tua-tua - Adat Perpateh

- A. 1. Berjuang naik
2. Bertangga turun.

Ertinya (1) Kesalahan anakbuah yang tidak terbicara oleh Lembaga, dihadapkan kepada Undang (Penghulu) dan jika tidak terputus olehnya dibawa kepada keadilan (Raja).

(2) Apabila raja hendak menghukum/denda di atas seseorang rakyat maka terlebih dahulu ditibakan hukum itu kepada undang

dan daripada undang itu dijatuhkan pula kepada lembaga, maka lembaga-lah menyampaikan hukum itu kepada anak buahnya.

- B. (I) Tali pengikat pada Raja (II) Keris penyalang kepada Undang, (III) Pedang pemancung kepada keadilan.

Ertinya: Anak buah yang bersalah itu diikat oleh lembaga, dihadapkan kepada undang, maka disalanglah oleh undang, jika tidak terputuskan bicara itu oleh undang, maka disembahkan kepada keadilan, Raja lah memancungnya.

- C. Perkara yang boleh dijatuhkan hukum bunuh:

- (I) Sumbang Salah (II) Upas Racun (III) Rumbun Bakar
(IV) Derhaka Celaka (V) Melesih Memotong.

- (I) Seorang yang berzina dengan saudara atau sukunya.
(II) Seorang yang memberi makan racun akan seseorang.
(IV) Seorang yang membunuh lembaga.
(V) Seorang yang mengenakan seseorang dengan aniaya hikmat hantu syaitan.

Itulah sahaja yang boleh dihukum bunuh. Tetapi jika seseorang salah itu terlepas daripada hukuman bunuh, itulah maknanya melarikan darah mati. Umpamanya jika tidak sempat ia masuk kedalam kampung Raja, dicampakan sahaja sepotongan kepalanya itu ke dalam pagar Raja, maka terlepaslah juga itu daripada hukuman mati itu, melainkan jadi orang dalam (hamba raja) selama-lamanya, dan jikalau dibunuh juga ia oleh sesiapa pun, maka di belaken oleh Raja 7 orang kepada waris yang membunuh itu.

- D. Adapun hukuman atas tikam bunuh, Samun samar, maling curi, dan sebagainya itu didenda dengan ringgit sahaja, yaitu dibawa orang salah itu oleh lembaga kepada undang maka jika kesalahan membunuh orang, maka di luncurkan oleh undang akan yang salah itu kepada pihak waris yang terbunuh, masuklah ia kesuku itu, ganti simati, maka waris pihak yang salah itu membayar hukum denda, kepada lembaga 20 emas (\$7) dan kepada undang sebahara (\$14) dan kepada Raja 66 kupang (\$28).

Tetapi bolehlah dengan mufakat, dibayarkan oleh lembaga akan denda itu kepada lembaga separuh sahaja dan yang separuh itu didapati oleh lembaga dan undang pun boleh juga membayar denda itu kepada Raja, separuh dan yang separuh itu undang mendapatnya.

Ada kala pula lembaga menghukum atas kesalahan anak buahnya dalam diam-diam sahaja, jika tiada diketahui oleh raja dan penghulu habislah bagitu sahaja perkara itu. Tetapi jika diketahui oleh raja atau penghulu, maka dikumpulkanlah pula akan orang salah itu, sebagai mana hukuman yang telah diadatkan itu, demikian lagi kalau penghulu

menghukum diam-diam sahaja, itupun boleh raja menghukum sekali lagi akan orang salah itu.

Dan lagi jikalau orang yang bertikam, maka mati seorang, dan jika ketika itu dibela oleh waris yang mati itu dan mati pula yang menikam dahulu itu, tiadalah apa lagi perkaranya, melainkan kedua pihak waris itu membayar hukum denda kepada lembaga undang dan keadilan, bagaimana yang sudah diadatkan.

sekian.

LAMPIRAN III

Alor Gajah - Ruling Book

PEJABAT DAERAH ALOR GAJAH MELAKA

CUSTOMARY LANDS - DISTRIBUTION OF ON DEATH

Section II (I) of cap. 125 provides that on death of customary land holder being Mohammadan, his customary land shall not rest in his legal personal representative not in any legal under his will but shall descend upon the person who according to mohammadan law as varried by local customs, if any, would be entitled to the same in the sheres and proportions of the said law so varied as aforesaid. Local customs observed in this District, are Adat Perpatih and Adat Temenggung. Sphere of operation of each is as fillows:

In Perpatih Area, there are four type of landed property:

- i. Carian - land acquired through married life of husband and wife.
- ii. Pendapatan - land already in possession of a female before marriage
- iii. Pembawaan - land already in possession of a male before a marriage and/or acquire by inheritance during married life.
- iv. Pusaka - had held in 'trust' by one suku. Disposal of this type of land to persons outside suku (clan) is prohibited. Property descends on female issues only).

For (i), (ii) and (iii) adat saying "cari bagi, (or carian), Pendapatan tinggal, pembawa-kembali, " Applies. (cari or carian) bagi (divided) ... This is applicable in case of divorce only. (If seperation is by death, the saying, "mati bini tinggal laki, mati laki bini, mati laki mati bini, tinggal anak". is applicable, literal translation is on death of wife (if) is to husband, on death of husband and wife (if) is to offspring.

'Pendapatan tinggal' (remains)... contrary to carian no change of ownership take place under any circumstance death or divorce.

For Example

A (male) marries B who is in possession of a piece of land. If B dies, land is retained by her waris, surviving husband does not receive

any portion of property. Position is unaltered even in case of divorce.
 'Pembawa kembali' (revest) ... this is opposite of Pendapatan.

For Example:

A(male) before his marriage to B was already in possession of a piece of land. ... On his marriage this land is referred to as "pem bawaan". If A dies, land is unherited by his waris. In case of divorce, land remains property of A ... widow has no right of claim.

Pusaka (land held in trust) land so classified descends on female issues only or in absence of any is inherited by nearest female relative, male issues may also inherit but for life time only. His widow or offspring has no right of claim on property on his death.

In Temenggong Area, distribution is much simple. Death of land half. In absence issues, share is inherited by husband's waris, and position vice versa in case death of a landowning wife.

LAMPIRAN IV

NAMA=NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN
PORTUGIS HINGGA SEKARANG
1632 - SEKARANG

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Siroja Merah I	Biduanda	1632 (1052)
2. Datuk Siroja Merah II	Biduanda	TIDAK DIDAPATI
3. Datuk Juara Megat	Semelenggang	"
4. Datuk Gegah	"	"
5. Datuk Maulana Garang	"	"
6. Datuk Janggut	"	"
7. Datuk Timba	"	"
8. Datuk Anjak	"	"
9. Datuk Dol Said	"	"

DIPETIK DARI ABDULLAH B. ABDUL KADIR MUNSHI,
OP.CIT, k. 355. WALAU BAGAIMANAPUN MENGI-
KUT PENDUDUK NANING BAHWA MEREKA MEMPUNYAI
KIRA-KIRA 11 ORANG DATUK NANING LAGI SEBE-
LUM INI.

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SELEPAS 1832




	<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>PERUT</u>	<u>TAHUN</u>
1.	Datuk Idas	Semelenggang	3	1834-1870
2.	Datuk Mohd. Salleh	"	1	1870-1895
3.	Datuk Nanting	"	2	1895-1900
4.	Datuk Hassan	"	-	1900-1916
5.	Datuk Umar	"	-	1917-1922
6.	Datuk Osman Kering (Pada mulanya Datuk Arshad Pangku)	"	2	1925-1941
7.	Datuk Che'lah	"	2	1946-1951
8.	Datuk Mohd. Shah	"	3	1953-

PETIKAN DARI SHAHBA, OP.CIT, h. 55-60.
DARI TAHUN-TAHUN YANG DIKEMUKAKAN TER-
DAPAT PEREBUTAN KUASA YANG BERMULA SE-
JAK KEMATIAN DATUK MOHD SALLEH LAGI.



DAERAH ALOR GAJAH DAN WILAYAH ADAT NANING

NEGERI SEMBILAN




DAERAH ALOR
GAJAH YANG
TERKELUAR ANALAN
ADAT.

BANDAR
MELAKA

SELAT MELAKA.

petunjuk	
1	SG BARU ULU
2	MASJID TANAH
3	RAMUAN CHINA BESAR
4	RAMUAN CHINA KECIL
5	SG SIPUT
6	BRISU
7	AYER PA'ABA
8	LENDU
9	REMBIA
10	SUNGAI PETAI
11	KELEMAK
12	MELEKEK
13	SUNGAI BULOH
14	TABOH NANING
15	PEGOH
16	PULAU SEBANG
17	PADANG SEBANG
18	GADEK
19	MELAKA PINDAH
20	PARIT MELAKA
21	PURIAN TUNGGAL
22	MACHAP
23	KEMUNING
24	TEBONG
25	BATANG MELAKA
26	NYALAS
27	TANJUNG RIMAU
28	JUS

211
PETA IIA.






FIG. 15. TAPIOCA PLANTATIONS IN MALACCA, A. 1867 AND
B. 1878

Based on *Map of the Malacca Territory, 1867* (Historical Map Collection, Department of Geography, University of Malaya) and *Map of the Malacca Territory, 1878* (P.R.O., London, Straits Settlements, No. 15).




FIG. 16. TAPIOCA PLANTATIONS IN MALACCA. A. 1886 AND
B. 1894

Based on *Map of the Malacca Territory, 1886 and Tracing of the Malacca Territory, 1894* (National Archives of Malaysia, Petaling Jaya).

PETA IV.




FIG. 9. GAMBIER FACTORIES IN MALACCA, A. 1882 AND B. 1887
 Source: *Straits Settlements Blue Book*, 1882 and 1887.




FIG. 11. A. GAMBIER FACTORIES IN MALACCA, 1895 B. LANG
 USE IN WESTERN MALACCA, 1894
 Based on *Straits Settlements Blue Book, 1895* and *Tracing of the
 Malacca Territory, 1894* (National Archives of Malaysia, Petaling
 Jaya).

RAJAH I.




FIG. 17. ACREAGE OF TAPIOCA IN MALACCA, 1873-1911

Source: *Straits Settlements Blue Book* for the relevant years.

N.B. Figures for 1874-5, 1878-9 are unavailable.




FIG. 10. ACREAGE OF GAMBIER AND PEPPER IN MALACCA,
1888-1916

Source: *Straits Settlements Blue Books* for relevant years.
N.B. Figures for 1889, 1903 and 1909 are unavailable.

SENARAI MEREKA YANG TELAH
DITEMURAH

ABDULLAH BIN HAJI IDRIS (46 tahun).

Beralamat di Kampung Peguh Luar Alor Gajah Melaka. Dilahirkan pada tahun 1927, di Kampung Peguh Dalam Alor Gajah Melaka. Berpendidikan Sekolah Melayu dan kemudian memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim. Bekerja sebagai guru sampai sekarang. Semasa Jepun bekerja sebagai Pegawai Bahagian Perjawatan Jepun di Kuala Lumpur. Bersikap sederhana terhadap adat dan mahukan supaya amalan adat terus berkekalan se-kurang-kurangnya untuk kenagan sejarah. Sekarang aktif di dalam politik dan menjadi ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO Melaka.

ABU BIN IBRAHIM (HAJI) = (82 tahun)

Tinggal di Kampong Paya, Simpang Empat, Alor Gajah, dilahirkan pada tahun 1891, di kampung yang sama. Berpendidikan sekolah Melayu dan memasuki Maktab Melaka 1909-1912. Berkhidmat sebagai guru sehinggalah meletusnya perang Dunia II. Bergiat di dalam bidang kebajikan seperti khairat kematian dan kegiatan kaum guru untuk menyedarkan masyarakat.

ABU SAMAH B. JADI (49 tahun)

Tinggal di Jalan Hang Tuah, Melaka. Dilahirkan pada tahun 1924, di kampung Paya Pa'Abas, Alor Gajah Melaka. Seorang yang amat mengambil berat soal adat dan memegang pusaka Datuk Seri Maharaja Lela. Berpendidikan sekolah Melayu dan melibatkan diri di dalam perkhidmatan Polis kemudiannya. Sekarang melibatkan diri di dalam bidang amalan adat.

HASHIM B. AMIN (HAJI) (70 tahun).

Tinggal di Batu 9½, Padang Sebang Alor Gajah Melaka. Dilahirkan pada tahun 1903, di Kampung Padang Sebang, Alor Gajah. Berpendidikan sekolah Melayu dan kemudian memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim pada 1925 - 1928. Bergiat di dalam Syarikat Jimat Cermat Padang Sebang, Persatuan Setia Jaya dan bertanggung jawab di dalam penubuhan sekolah agama Padang Sebang. Menggalakan ibubapa supaya menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah dan memandang sepi kepada kegiatan-kegiatan adat yang membazir.

HASSAN B. HAJI ABU BAKAR (HAJI) (65 tahun)

Tinggal di Kampung Kuala Sungai Baru, Alor Gajah Melaka. Dilahirkan pada tahun 1908, di Kuala Sungai Baru, Alor Gajah, Melaka. Berpendidikan sekolah Melayu dan Arab. Kemudian berangkat ke Asia Barat dan melanjutkan pelajaran di sana. Sekarang menjadi Mufti Negeri Melaka. Mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan di dalam soal kegiatan ugama di seluruh negeri Melaka. Bersikap sederhana di dalam soal amalan adat dan mengakui bahwa ajaran adat dapat mendidik akhlak yang baik.

HUSSAIN B. HJ. BABA (HAJI) (66 tahun)

Tinggal di Kampung Baru Alor Gajah, Melaka. Dilahirkan di K Kampung yang sama pada tahun 1907. Berpendidikan sekolah Melayu, dan kemudian memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Penganut faham kaum mudadan mempunyai banyak pengetahuan mengenai hal ini. Penentang amalan adat yang kuat dan menganggap ajaran adat bertentangan dengan kehendak Islam. Sejak muda lagi beliau telah memencilkan diri dari amalan adat.

JAALAM B. HJ. IDRIS (55 tahun)

Tinggal di Kampung Peguh Dalam, Alor Gajah, Melaka. Dilahirkan di kampung yang sama pada tahun 1918. Berpendidikan Sekolah Melayu. Pernah menjadi guru Pelatih (sementara), kerani penghulu, keranai Pejabat Daerah Alor Gajah dan pernah memasuki Pasukan Sukarela British Melaka (MUC). Di dalam kegiatan adat, pernah menjadi Buapak. Sekarang bertugas sebagai Imam di Masjid Kampung tersebut. Mahir dalam soal adat, dan berpegang kuat dengan amalan adat.

MAASIN B. ARIFF (HAJI) (70 tahun).

Tinggal di Kampung Paya Rumpit, Alor Gajah Melaka. Dilahirkan pada tahun 1903, di kampung yang sama. Berpendidikan sekolah Melayu. Pernah menjadi sidang, mata-mata Penghulu dan Penghulu Mukim dan Penghulu Adat. Bersara pada tahun 1963. Benar-benar memahami peraturan pentadbiran adat dan awam.

MAT BIN HUSIN (HAJI) (70 tahun)

Tinggal di Batu 19, Simpang Empat, Alor Gajah. Dilahirkan pada tahun 1904 di kampung yang sama. Berpendidikan sekolah Melayu. Bekas anggota polis, Penghulu mukim dan sekarang bertugas sebagai penghulu adat. Bersara dari menjadi penghulu mukim pada tahun 1965.

MD. SOM B. TAIN (HAJI) (80 tahun).

Dilahirkan pada tahun 1893, di kampung Gadek, Alor Gajah, Melaka. Berpendidikan sekolah Melayu dan memasuki perkhidmatan Polis

1913-1920 . Seorang yang terkenal di dalam bidang Syarikat Kerjasama di Melaka. 1913-1920 menjadi Setiausaha Syarikat Kerjasama Polis Melaka 1926-1972 Setiausaha Syarikat Kerjasama Gadek, dan hingga sekarang menjadi Bendahari Syarikat tersebut.

MOHD SHAH B SAID(DATUK) (67 tahun).

Tinggal di Balai Undang Naning, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka. Dilahirkan pada tahun 1906 di Simpang Empat Alor Gajah Melaka. Berpendidikan sekolah Inggeris Seremban. Memasuki perkhidmatan Polis sebagai Inspektor Polis sehingga ia bersara pada tahun 1953 untuk memegang pusaka suku Semelenggang Tabuh sebagai Datuk Naning. Jawatan ini dipegang hingga sekarang. Pernah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selat. Berminat di dalam bidang politik, memasuki UMNO masa mula ditubuhkan. Bersama-sama Datuk Onn dalam Parti Kemerdekaan Malaya, dan mengasingkan diri dari politik apabila peraturan kerajaan menghendaki ia berbuat demikian. Di dalam masa dharurat, memainkan peranan yang penting di dalam menghapuskan kegiatan komunis di seluruh Negeri Melaka. Sebagai bekas Inspektor polis, ia banyak mempunyai pengetahuan di dalam hal ini. Kelulusan beliau di dalam bidang undang-undang memudahkan beliau di dalam menjalankan pentadbiran adat.

MOHD. SHARIF B. TAHA(HAJI) (60 tahun).

Lahir di Kampung Paya, Simpang Empat, Alor Gajah (tempat tinggal sekarang) pada tahun 1913. Berpendidikan sekolah Melayu dan memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, pada tahun 1929. Mula bertugas sebagai guru pada tahun 1932. Aktif di dalam kegiatan kebajikan dan kegiatan kaum guru. Bersikap sederhana di dalam soal adat.

MOHD YUNUS B. NORDIN (HAJI) (80 tahun).

Tinggal di Kampung Cherana Puteh, Alor Gajah. Dilahirkan pada tahun 1893 di Simpang Empat Alor Gajah Melaka. Berpendidikan sekolah Melayu. Berkhidmat dengan Pasukan Polis 1911-1914. Bersara 1914 dan tinggal di kampung, disamping berkhidmat sebagai Pawang. Mempunyai perhubungan yang rapat dengan Datuk-Datuk Naning sejak itu. Dipercayai menyimpan Alat Kesebarang Naning sekarang.

RAMLI B. HAMID (62 tahun)

Tinggal di Batu 9½, Bukit Bali, Alor Gajah . Lahir pada tahun 1911 di tempat yang sama. Berpendidikan High School Melaka. Menjadi kerani kepada Datuk Osman Kering, Penghulu Naning (1925-42).

SUDIN B. ABD. RAHMAN (DATUK) (78 tahun)

Lahir di kampung Berisu (tempat tinggal sekarang), pada tahun 1895. Berpendidikan Melayu dan kemudian memasuki sekolah Inggeris Victoria, Kuala Lumpur. Memasuki perkhidmatan Polis, sebagai Inspektor, Menjadi Pegawai Daerah Alor Gajah semasa Jepun dan pernah menjadi Ahli Majlis

Mesyuarat Negeri Selat. Memandang dingin di dalam soal adat dan selalu bertelagah dengan Datuk Mohd Shah di dalam soal adat Melayu-Perpateh di dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selat.

CATITAN

Sebenarnya lebih kurang 50 orang telah ditemuramah tetapi memandangkan kepada sumbangannya kurang berguna di dalam penulisan latihan ilmiah ini maka nama-nama mereka tidak perlu untuk disenaraikan di sini.